

KAJIAN KE ATAS KEASLIAN REKA BENTUK RUMAH KUTAI DI BOTA KANAN, PERAK

FYP FTKW

ZAINAB BINTI OSMAN

C19A0852

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA

2023

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KAJIAN KE ATAS KEASLIAN REKA BENTUK RUMAH KUTAI DI BOTA KANAN, PERAK

**DISEDIAKAN OLEH:
ZAINAB BINTI OSMAN**

C19A0852

Laporan Akhir ini Dilaksanakan Sebagai Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



ZAINAB BINTI OSMAN

Tarikh: 16 FEBRUARI 2023

Tandatangan Penyelea

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kajian Ke Atas Keaslian Reka Bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak” telah disediakan oleh **(ZAINAB BINTI OSMAN)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keahlian **(Konservasi Warisan)**.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Sahrudin Bin Mohamed Som)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya pengkaji dapat menyiapkan projek penyelidikan ini pada masa yang telah ditetapkan. Semasa menjalankan projek penyelidikan ini pengkaji menghadapi pelbagai masalah, namun pengkaji dapat menjalankan kajian ini dengan sempurna melalui dorongan daripada pensyarah, ibu bapa dan rakan-rakan.

Pada kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan pengkaji iaitu Encik Sahrudin bin Mohamed Som kerana telah banyak membantu pengkaji dalam menjayakan kajian ini. Beliau sentiasa memberikan sokongan dan nasihat kepada pengkaji supaya kajian ini dapat dilakukan dengan baik. Beliau juga sering memberikan pandangan yang sangat bernas untuk menambah baik projek penyelidikan yang dilaksanakan ini.

Pada kesempatan ini juga, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu iaitu Paridah Binti Molur serta seluruh ahli keluarga yang tidak pernah jemu sentiasa memberikan sokongan moral kepada pengkaji dalam apa-apa sahaja yang pengkaji lakukan. Dengan kerjasama semua pihak, pengkaji dapat menjalankan kajian ini dengan sempurna. Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan kerana telah banyak membantu pengkaji mengumpulkan maklumat untuk menyempurnakan kajian ini.

MALAYSIA

KELANTAN

Kajian ke atas keaslian reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak

ABSTRAK

Rumah merupakan sebuah tempat kediaman manusia yang dilengkapi dengan dinding dan bumbung. Rumah berfungsi sebagai tempat perlindungan kepada manusia daripada hujan, panas matahari, penceroboh dan ancaman daripada binatang buas. Namun, rumah tradisional Melayu seperti Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak telah mengalami kepupusan dan penurunan terhadap pembinaannya kerana kehadiran bahan binaan seperti batu-bata, zink dan tiang konkrit. Perkara ini menyebabkan pembinaan Rumah Kutai semakin berkurangan. Oleh itu, ramai masyarakat telah beralih kepada pembinaan rumah yang lebih moden, mempunyai ruang yang besar dan luas. Bagi mencapai setiap objektif kajian, masalah yang timbul di dalam kajian akan dikenal pasti oleh pengkaji agar kajian dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna. Penyelidikan kajian ini ditulis oleh pengkaji adalah untuk memberi fokus kepada masalah kajian dengan menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Pengkaji juga akan mengenal pasti perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak dan mengenal pasti faktor-faktor kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Bagi mendapatkan data dan maklumat di dalam kajian ini berkaitan dengan Rumah Kutai, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dengan cara melakukan pemerhatian dan temubual.

A study on the originality of Rumah Kutai design in Bota Kanan, Perak

ABSTRACT

A house is a place of human habitation equipped with walls and a roof. The house serves as a shelter for humans from rain, heat of the sun, intruders and threats from wild animals. However, traditional Malay houses such as Rumah Kutai in Bota Kanan, Perak have experienced extinction and a decline in their construction due to the presence of building materials such as bricks, zinc and concrete pillars. This caused the construction of Rumah Kutai to decrease. Therefore, many communities have turned to the construction of more modern houses, with large and spacious spaces. In order to achieve each objective of the study, problems that arise in the study will be identified by the researcher so that the study can be carried out smoothly and perfectly. This research study was written by the researcher to focus on the research problem by describing the original design features of Rumah Kutai in Bota Kanan, Perak. The researcher will also identify the changes in the design of Rumah Kutai in Bota Kanan, Perak and identify the factors to the change in the design of Rumah Kutai in Bota Kanan, Perak. In order to obtain data and information in this study related to Rumah Kutai, the researcher will use qualitative methods through observation and interviews.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS	
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Penutup	13

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Rumah Tradisional Melayu di Malaysia	15
2.3 Jenis-jenis Seni bina di Perak	17
2.4 Rumah Tradisional Melayu di Perak	19
2.5 Jenis-jenis Rumah Kutai	22
2.6 Rumah Kutai	24
2.7 Konsep Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan	26
2.8 Penutup	28
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	30
3.1 Pengenalan	30
3.2 Reka bentuk Kajian	32
3.3 Instrumen Kajian	38
3.4 Prosedur Pungutan Data	40
3.5 Kaedah Analisis Data	40
3.6 Persampelan Kajian	43
3.7 Jangkaan Dapatan Kajian	46
3.8 Penutup	47

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	48
4.1 Pengenalan	48
4.2 Reka Bentuk Asal Rumah Kutai	49
4.3 Bentuk Rumah Kutai	50
4.4 Ruang Rumah Kutai	51
4.5 Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai	59
4.6 Elemen Bangunan	66
4.7 Perubahan Reka Bentuk Rumah Kutai	78
4.8 Faktor-faktor yang Menyumbang Kepada Perubahan Reka Bentuk Rumah Kutai	126
4.9 Penutup	132
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	133
5.1 Pengenalan	133
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	134
5.3 Cadangan Kajian	141
5.4 Penutup	146
RUJUKAN	147

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
2.5	Jenis-jenis Rumah Kutai	23
2.5	Jenis-jenis Rumah Kutai	24
3.5	Kaedah Analisis Data	42
3.6	Persampelan Kajian	44
3.6	Persampelan Kajian	45
4.7	Perubahan Reka Bentuk Rumah Kutai	78-121

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.7	Skop Kajian	12
2.3	Jenis-jenis Seni bina di Perak	17
2.3	Jenis-jenis Seni bina di Perak	18
2.3	Jenis-jenis Seni bina di Perak	19
2.4	Rumah Tradisional Melayu di Perak	20
2.4	Rumah Tradisional Melayu di Perak	21
2.6	Rumah Kutai	25
3.2	Reka bentuk Kajian	33
3.2	Reka bentuk Kajian	34

4.3	Bentuk Rumah Kutai	50
4.3	Bentuk Rumah Kutai	51
4.4	Ruang Rumah Kutai	52
4.4	Ruang Rumah Kutai	53
4.4	Ruang Rumah Kutai	55
4.4	Ruang Rumah Kutai	56
4.4	Ruang Rumah Kutai	57
4.4	Ruang Rumah Kutai	58
4.5	Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai	59
4.5	Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai	60
4.5	Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai	62
4.5	Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai	63
4.5	Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai	64
4.6	Elemen Bangunan	66
4.6	Elemen Bangunan	67
4.6	Elemen Bangunan	68
4.6	Elemen Bangunan	70
4.6	Elemen Bangunan	72
4.6	Elemen Bangunan	74
4.6	Elemen Bangunan	75

4.6	Elemen Bangunan	76
4.6	Elemen Bangunan	77
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	139
5.3	Cadangan Kajian	141



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sesebuah rumah adalah sebagai tempat kediaman dan perlindungan bagi manusia daripada ancaman binatang buas dan keadaan cuaca yang tidak menentu. Melalui budaya yang terdapat pada sesebuah masyarakat dapat menentukan ciri-ciri yang ada pada sesebuah rumah tradisional dari segi bahan binaan, reka bentuk dan sebagainya. Berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman hidup yang telah dilalui oleh penghuni dan pereka bentuknya dapat menafsirkan sesuatu senibina yang diilhamkan melalui cara hidup, daya pemikiran, amalan seharian dan kebudayaan (H. A. Rahman, et al, 2008).

Penyelidikan ini dijalankan adalah berkaitan dengan rumah tradisional Melayu yang hanya terdapat di negeri Perak iaitu Rumah Kutai. Rumah Kutai merupakan binaan rumah terawal yang terdapat di negeri Perak. Pengkaji ingin memperkenalkan kembali kepada generasi kini berkaitan keaslian reka bentuk Rumah Kutai berusia tua yang kian dilupakan pada masa sekarang. Menurut Iskandar Zulqarnain (2019), penduduk tempatan di negeri Perak memanggil rumah tradisional Melayu tersebut dengan nama Rumah Kutai atau Kotai. Daripada aspek bahasa pula perkataan Kutai diambil daripada satu nama kerajaan Melayu tua di Pulau Borneo. Rumah Kutai juga dianggap sebagai rumah yang telah berusia tua kerana bagi masyarakat tempatan Kutai merujuk kepada sesuatu yang sangat tua atau lama.

Rumah Kutai tidak begitu dikenali oleh masyarakat yang sangat berbeza dengan rumah tradisional Melayu lain yang berada di Semenanjung Malaysia. Pada masa kini, sememangnya tidak mustahil sekiranya penduduk tempatan di negeri Perak juga ramai yang tidak mengetahui akan kewujudan Rumah Kutai ini, apatah lagi bagi penduduk yang menetap di luar kawasan negeri Perak. Oleh kerana Rumah Kutai kebiasaannya hanya terdapat di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja menyebabkan perkara tersebut berlaku. Di daerah Perak Tengah, Hilir Perak dan Kuala Kangsar iaitu kawasan yang berada di sekitar Sungai Perak sahaja yang masih terdapat Rumah Kutai pada masa kini. Selain itu, Rumah Kutai juga tidak begitu dikenali oleh masyarakat kerana jumlahnya kini yang semakin sedikit.

Pada suatu ketika dahulu di sekitar Sungai Perak telah digambarkan banyak dibina Rumah Kutai berdasarkan daripada ilustrasi lama dan catatan sejarah sekitar abad ke-18 dan 19 daripada sumber Inggeris. Hal ini kerana pengangkutan utama masyarakat pada ketika itu kebanyakannya melalui jalan air. Namun, perkara tersebut telah menyebabkan berlakunya peningkatan risiko serangan lanun, binatang buas dan kemusnahan akibat banjir kerana kedudukan rumah yang dibina berdekatan dengan kawasan sungai. Rumah Kutai merupakan rumah kediaman yang dibina dalam keadaan yang sangat kukuh. Ia dibina melalui inovasi dalam reka bentuk seni bina tradisional Melayu yang terilham daripada risiko yang terpaksa dihadapi oleh penghuninya.

MALAYSIA

KELANTAN

1.2 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan yang dilakukan adalah berkaitan dengan Rumah Kutai yang berada di Bota Kanan. Kawasan ini dijalankan kajian adalah kerana masih terdapat Rumah Kutai yang telah lama masih berdiri dengan teguh. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana pembinaan Rumah Kutai semakin mengalami kepupusan yang dahulunya masyarakat banyak membina rumah ini di sekitar Sungai Perak. Namun, semakin saban hari ditelan peredaran masa menyebabkan masyarakat tidak lagi mahu membina Rumah Kutai atas faktor tertentu.

Di kawasan yang ingin dikaji iaitu di Bota Kanan mempunyai Rumah Kutai yang masih berdiri dengan kukuh tinggalan dari nenek moyang mereka terdahulu. Rumah Kutai semakin berkurang dan tidak lagi dibina oleh penduduk terutama di Perak disebabkan oleh masyarakat menganggap pembinaan Rumah Kutai amat rumit kerana memerlukan bahan semula jadi seperti kayu, buluh dan sebagainya. Pada masa kini telah wujud batu-bata sebagai bahan bagi pembinaan rumah yang lebih moden. Hal yang demikian menyebabkan pembinaan Rumah Kutai semakin berkurangan di saban hari dan masyarakat lebih beralih kepada rumah yang lebih moden.

Di Perak terutamanya di Bota Kanan merupakan salah satu tempat yang mempunyai Rumah Kutai sejak sekian lama. Oleh itu, pengkaji ingin membuat penyelidikan terhadap Rumah Kutai dan masyarakat terutamanya di Bota Kanan, Perak juga perlu mengekalkan warisan negara ini. Pembinaan Rumah Kutai jika dilihat semakin hari kian mengalami kepupusan, hanya terdapat sebilangan kecil penduduk sahaja yang masih memelihara dan mengekalkan Rumah Kutai yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka pada masa dahulu. Pembinaan Rumah Kutai perlu dihidupkan kembali oleh masyarakat agar generasi muda pada masa kini dapat melihat sendiri

keaslian yang terdapat pada Rumah Kutai. Perkara ini amat penting agar anak muda pada kini mengetahui akan kewujudan rumah Melayu tradisional iaitu Rumah Kutai.

1.3 Permasalahan Kajian

Masalah yang wujud dalam kajian ini adalah kurangnya pemahaman dan kesedaran masyarakat terhadap nilai estetika di dalam reka bentuk yang terdapat pada Rumah Kutai. Tiada pihak yang bertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan terhadap rumah ini. Tiada pihak yang ingin mengekalkan kelestarian pada rumah ini menyebabkan rumah ini diabaikan serta dibiarkan tanpa penjagaan yang rapi walaupun pada dasarnya rumah ini mempunyai keistimewaan pada tahap yang tinggi dan merupakan salah satu warisan yang sangat berharga. Perkara ini telah menjadi satu kerugian kepada masyarakat dalam pengekalan warisan bangsa. Lebih menyedihkan lagi, pewaris bagi rumah itu sendiri tidak memahami nilai ornamen yang terdapat pada seni bina rumah tradisional.

Menurut M. Sabriza (2008), nilai keindahan yang terdapat pada Rumah Kutai dapat dibuktikan melalui keunikan dan kehalusan hasil karya seni Melayu. Walau bagaimanapun, perasaan sayang dan sikap mengambil tahu terhadap Rumah Kutai telah mula terhakis akibat daripada cuaca, perubahan zaman serta masa yang menyebabkan kelestarian bagi rumah-rumah ini telah terancam serta jangka hayatnya semakin pendek. Pada masa kini kebanyakan penduduk di sekitar itu telah membina rumah yang diperbuat menggunakan bahan binaan konkrit seperti rumah banglo. Mereka tidak lagi menggunakan rumah tradisional yang hanya diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi. Hal ini jelas terbukti semasa pemerhatian dijalankan oleh pengkaji di kawasan kajian berkaitan Rumah Kutai. Bagi mengikut peredaran masa dan kehendak semasa, reka bentuk tersebut dirasakan lebih selesa dan sesuai untuk didiami.

Selain itu, hilang keaslian yang terdapat pada ciri-ciri asal Rumah Kutai. Menurut K.S. Kamal (2007) menjelaskan bahawa pada masa kini didapati di Negeri Perak masih terdapat banyak Rumah Kutai yang telah mengalami perubahan menyebabkan bentuk asal yang terdapat pada rumah tersebut menjadi semakin berkurang. Semasa pengubahsuaian dilakukan, ciri-ciri utama pada Rumah Kutai tidak dikekalkan dan komponen struktur rumah ini telah ditokok tambah. Ciri-ciri yang terdapat pada Rumah Kutai telah diubahsuai dengan menggunakan bahan yang baru. Penggantian bahan seperti kepingan dinding papan menggantikan anyaman dinding tepas, zink menggantikan atap nipah atau rumbia dan lantai papan digunakan bagi menggantikan lantai bilah jeria. Kebanyakan Rumah Kutai telah melakukan kesemua pengubahsuaian yang dinyatakan. Pada Rumah Kutai terdapat juga tambahan ruang seperti ruang anjung. Pada kebiasaannya, ciri-ciri asal yang ada pada Rumah Kutai seperti atap rumbia, dinding tepas dan sebagainya telah ditanggalkan dan tidak dipasang semula. Rumah Kutai telah diubah suai oleh pemiliknya, berkemungkinan akibat daripada kerosakan yang berlaku.

1.4 Objektif Kajian

Bagi memastikan tujuan utama di dalam kajian yang dilaksanakan akan tercapai, maka di dalam kajian ini perkara yang perlu diutamakan adalah berkenaan dengan objektif kajian. Antara objektif yang akan diberikan fokus adalah:

- i. Menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.
- ii. Mengenal pasti perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.
- iii. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif yang ditetapkan oleh pengkaji telah mewujudkan persoalan kajian.

Persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

- iv. Apakah ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak?
- v. Apakah perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak?
- vi. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak?

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ke atas kajian yang dilaksanakan ini memberikan kepentingan kepada banyak pihak yang akan mendatangkan faedah dan kesan yang baik berkaitan Rumah Kutai. Hal ini akan menjadikan Rumah Kutai sesuatu yang sangat istimewa dan unik serta memberi faedah kepada banyak pihak iaitu masyarakat, institusi, negara dan pengkaji. Pada warisan ketara ini terdapat kepentingan yang ingin dicapai iaitu:

1.6.1 Masyarakat

Kajian ini memberikan kepentingan kepada masyarakat iaitu untuk memberi pengetahuan dan memupuk tahap nilai kesedaran dalam kelompok masyarakat terhadap rumah Melayu tradisional iaitu Rumah Kutai. Didapati Rumah Kutai pada masa kini semakin berkurangan dan telah mengalami kepupusan yang berpunca daripada arus kemodenan sehingga menyebabkan rumah ini semakin dilupakan serta dibiarkan begitu sahaja. Kewujudan Rumah Kutai ini telah lama bertapak di Perak terutamanya di Bota Kanan pada suatu ketika dahulu lagi. Kajian ini juga adalah supaya Rumah Kutai ini akan sentiasa dipelihara dan dijaga oleh pewarisnya supaya generasi muda akan datang dapat melihat khazanah berharga negara ini. Masyarakat perlu mengambil cakna bahawa setiap individu penting untuk bertanggung jawab dalam menjaga dan memelihara sesuatu warisan kerana bukan pihak kerajaan sahaja yang harus dibebankan dalam perkara ini. Generasi muda perlulah menanamkan semangat minat untuk mengkaji dan mendalami keunikan serta keaslian yang terdapat pada Rumah Kutai ini supaya ianya tidak terus lenyap akibat peredaran zaman.

Reka bentuk yang terdapat pada Rumah Kutai haruslah dikekalkan keasliannya supaya ia dapat menjadi tatapan buat generasi pada masa akan datang sebagai rumah Melayu tradisional yang unik dan menarik. Rumah Kutai adalah sangat istimewa kerana hanya dapat dilihat di negeri Perak sahaja dan tidak terdapat di negeri-negeri yang lain. Justeru itu, melalui pengekalan terhadap reka bentuk pada Rumah Kutai akan memberikan kesan yang baik dan mendatangkan manfaat dalam memartabatkannya agar tidak dilupakan. Selain itu, masyarakat akan menganggap bahawa warisan ketara ini adalah merupakan khazanah negara yang sangat bernilai dan perlu dihargai dengan sebaik mungkin.

1.6.2 Institusi

Kajian ini merupakan projek penyelidikan pertama iaitu salah satu subjek yang perlu diambil oleh pengkaji. Melalui penyelidikan yang dikaji, pelajar dapat menambahkan kefahaman dan ilmu berpandukan kepada pembacaan mengenai projek penyelidikan yang ditulis. Isu berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap khazanah warisan ketara seperti Rumah Kutai berupaya untuk diketengahkan dan dimartabatkan oleh ramai penyelidik baru. Kajian yang dilaksanakan ini juga akan membantu para pelajar dan penyelidik akan datang untuk mengumpulkan data dan mendapatkan maklumat berkaitan Rumah Kutai yang boleh dijadikan sebagai rujukan kajian. Secara tidak langsung, mereka mendapat ilmu pengetahuan baharu melalui kajian ini.

1.6.3 Negara

Kewujudan Rumah Kutai di Bota Kanan ini boleh menjadi kawasan pelancongan di Perak yang akan menyumbang kepada salah satu sumber pendapatan negara. Secara tidak langsung akan menaikkan nama negeri Perak itu sendiri melalui kewujudan Rumah Kutai dan memberikan peluang kepada negeri Perak bagi menaik tarafkan kawasan di sekitar Bota Kanan sebagai kawasan pelancongan terhadap Rumah Kutai. Melalui kajian yang dilakukan terhadap rumah Melayu tradisional iaitu Rumah Kutai, warisan ketara yang istimewa ini dapat diperkenalkan di peringkat antarabangsa, kewujudan warisan sejarah yang terdapat di Malaysia secara tidak langsung membantu industri pelancongan untuk meningkat dan dapat memperkayakan pengetahuan sejarah bangsa.

Pelancong sama ada di peringkat domestik dan antarabangsa akan tertarik dengan keistimewaan tersendiri yang terdapat pada Rumah Kutai ini. Sudah pasti mereka ingin merasai dan mendalami sendiri pengalaman untuk berada di dalam Rumah Kutai, mengetahui tentang reka bentuk, bahan-bahan semula jadi yang digunakan dalam pembinaan Rumah Kutai pada masa dahulu dan sebagainya. Menurut Paul Box (1999) menegaskan bahawa negara ini akan mendapat keuntungan pada masa akan datang melalui pemeliharaan yang dilakukan terhadap sesuatu aset warisan atau sumber dengan penyertaan daripada komuniti dan orang awam yang menggalakkan.

1.6.4 Pengkaji

Pengkaji dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan kefahaman melalui penyelidikan yang dilaksanakan iaitu mengenai ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak dan perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Sekaligus, pengkaji juga akan mengetahui faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Oleh itu, pengkaji akan memperolehi data dan maklumat melalui temubual dengan pewaris atau pemilik Rumah Kutai yang masih menjaga khazanah warisan ini daripada pupus ditelan oleh arus kemodenan. Sebagai rujukan kepada kajian yang ingin dilaksanakan, beberapa kajian lepas dan sumber ilmiah yang dapat dipercayai akan dicari oleh pengkaji. Sumber data di dalam kajian ini diperoleh oleh pengkaji melalui sumber perpustakaan dan lapangan. Oleh itu, penyelidikan ini telah dikategorikan sebagai penyelidikan di perpustakaan dan pemerhatian.

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berfokus kepada Rumah Kutai yang berada di sekitar Bota Kanan sahaja. Di dalam kajian ini, tidak semua kawasan yang terlibat untuk dijalankan kajian. Pengkaji ingin menjalankan kajian di kawasan tersebut kerana didapati terdapat banyak Rumah Kutai yang masih teguh berdiri dan sesuai untuk diambil sebagai sampel kajian. Pada suatu ketika dahulu, Bota Kanan adalah merupakan salah satu kawasan yang menjadi penempatan awal bagi penduduk di negeri Perak serta banyak Rumah Kutai yang dibina di kawasan ini. Rumah Kutai merupakan rumah Melayu tradisional yang sangat sinonim dengan negeri Perak. Rumah Kutai di kawasan ini masih mengekalkan keasliannya dan ada juga yang telah mengalami perubahan akibat daripada proses penambahbaikan dan pembinaan semula yang telah dilaksanakan. Perkara ini memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti dan melihat dengan lebih dekat perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan.

Bota Kanan terletak di daerah Perak Tengah yang merupakan salah satu mukim di kawasan tersebut. Kawasan tersebut memiliki keunikan warisan sejarah dan budaya yang tersendiri. Bota Kanan merupakan sebuah kawasan yang cukup terkenal dengan kemunculan Rumah Kutai yang menjadi bukti penempatan penduduk di sekitar Sungai Perak pada zaman silam yang masih kekal sehingga kini. Bota Kanan juga merupakan kawasan yang mempunyai ikon-ikon warisan dan sejarah yang dapat dikunjungi oleh pelancong.



Rajah 1.1: Peta daerah Perak Tengah

Sumber: Google (<http://www.google.com/maps>, 29 Ogos 2021)

Pembinaan Rumah Kutai ini menggunakan jenis kayu yang tahan lama dan berkualiti menyebabkan kawasan yang mempunyai bahan-bahan semula jadi yang baik seperti buluh, atap rumbia, kayu nibong dan sebagainya telah mendorong pembinaan Rumah Kutai ini berlangsung di kawasan tersebut. Dari kawasan inilah bahan-bahan semula jadi bagi membina Rumah Kutai mudah untuk diperolehi oleh penduduk. Oleh itu, dari segi reka bentuk dan pembinaannya, Rumah Kutai di dapati mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Dalam melaksanakan kajian, pengkaji akan mendapatkan jawapan berkaitan objektif yang telah ditetapkan berdasarkan persepsi masyarakat setempat di sekitar Bota Kanan. Sebagai sumber penting untuk mendapatkan data dan maklumat, pengkaji telah mencatat dan merekod setiap perbualan dengan responden semasa temubual diadakan.

1.8 Penutup

Kesimpulannya, bukan sahaja penduduk tempatan di negeri Perak malah seluruh rakyat Malaysia haruslah berasa bangga dengan kewujudan Rumah Kutai yang begitu unik dan istimewa ini. Keaslian pada rumah ini perlu dipertahankan kerana Rumah Kutai bukan sahaja hanya dilihat semata-mata sebagai rumah Melayu tradisional kerana ia juga merupakan salah satu khazanah negara yang terdapat di Malaysia dan telah diiktiraf sebagai warisan ketara. Dibimbangi akan berlakunya kepupusan terhadap warisan negara yang begitu bernilai dan telah wujud sejak zaman berzaman ini telah mendorong supaya langkah-langkah yang sewajarnya dilakukan oleh pelbagai pihak. Pelbagai pihak perlu menjaga dengan mengambil langkah yang tepat bagi mengekalkan warisan negara ini supaya tidak pupus ditelan zaman dalam menyusuri arus pemodenan kerana bukan pihak kerajaan sahaja yang perlu bertungkus lumus untuk memelihara Rumah Kutai ini.

Pada masa kini, kebanyakan Rumah Kutai didapati telah melalui proses pembinaan semula menyebabkan ia mengalami sedikit perubahan serta memberikan impak yang negatif buat pengkaji nilai warisan. Perubahan ini menyebabkan perubahan yang ketara dari segi reka bentuk serta ragam hias yang terdapat pada Rumah Kutai. Kini, sesetengah bahagian pada struktur Rumah Kutai telah ditukar kepada bahan pembinaan yang lain sehingga menyebabkan kehilangan beberapa ciri-ciri asal yang terdapat pada rumah tersebut. Perubahan yang berlaku ini merupakan satu proses penambahbaikan, namun melalui prosedur yang salah akan menjejaskan nilai warisan pada Rumah Kutai ini. Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak yang bertanggungjawab perlulah berusaha untuk mengekalkan dan memastikan bahawa ciri-ciri asal yang terdapat pada Rumah Kutai diterapkan semasa proses pembinaan semula dilakukan dengan pengekalan beberapa ciri-ciri utama yang telah sedia ada terdapat pada rumah ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bagi menyokong objektif yang ditetapkan oleh pengkaji, sorotan kajian bertindak sebagai fakta. Ia menjadi sebagai bukti bahawa pengkaji tidak membuat sebarang rekaan di dalam kajian ini melalui penggunaan bagi setiap teori. Secara mudahnya, sorotan kajian terhadap kajian yang dibuat pada masa kini adalah berpandukan kepada penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik lain pada sebelumnya. Menurut Bryman & Bell (2003) pula sorotan kajian ialah maklumat yang telah dipilih iaitu terdapat dalam perpustakaan atau *literature* berkaitan topik kajian pengkaji yang dijadikan sebagai rujukan secara sistematik dan kritikal. Menurut Creswell (2005) menegaskan bahawa di dalam sorotan kajian pengkaji perlu menganalisis, membuat ringkasan, menilai, menghurai, mensintesis serta memberikan penjelasan mengenai kepustakaan yang dipilih. Pada bahagian sorotan kajian pula terdapat beberapa pendapat, kaedah, penilaian, pernyataan, laporan kajian dan teori yang dikemukakan oleh pengkaji berdasarkan kepada tajuk kajian.

Melalui sorotan kajian dapat mewujudkan hubungan antara pemboleh ubah dan memberi idea yang relevan mengenai makna. Ia juga bertujuan supaya penyelidikan seterusnya dapat memberikan asas teori (Kamarul, 2015). Kajian luar sama ada telah banyak dijalankan penyelidikan atau sebaliknya dapat dijelaskan melalui sorotan kajian. Bahan seperti makalah, jurnal, tesis, buku, surat khabar, artikel atau kenyataan yang diperoleh daripada seseorang pakar adalah merupakan bahan rujukan bercetak yang kebiasaannya digunakan untuk melaksanakan sorotan kajian. Bagi menjayakan kajian yang dijalankan, maklumat tambahan dapat diperolehi oleh pengkaji melalui sorotan kajian. Selain menggunakan bahan bercetak, media

elektronik di laman web dalam rangkaian internet digunakan untuk melakukan sorotan kajian.

Bagi mencapai objektif penyelidikan, penyelidikan yang dijalankan berdasarkan menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, mengenal pasti perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak bagi mendapatkan sumber daripada kajian lepas pelbagai kaedah atau cara telah digunakan. Menurut Brayman & Bell (2003) menjelaskan bahawa melalui pencarian maklumat di artikel, jurnal dan kajian lepas dapat dijadikan sebagai salah satu kenyataan yang boleh dipercayai berkaitan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini menjadikan satu kajian tersebut boleh dipercayai dan lebih sistematik melalui kajian yang telah ditulis oleh pengkaji.

2.2 Rumah Tradisional Melayu di Malaysia

Disebabkan oleh terdapat pelbagai bangsa dan kaum yang hidup dalam situasi bersatu-padu dan aman telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang sangat unik. Terdapat pelbagai pengaruh budaya dalam kehidupan rakyatnya melalui kepelbagaian kaum. Melalui pelbagai jenis reka bentuk rumah yang terdapat di Malaysia adalah bukti wujudnya pengaruh budaya (Nur Sabihah, 2021).

Rumah tradisional bermaksud rumah yang menggunakan teknik pertukangan lama yang tidak lagi digunakan pada masa kini dan merupakan rumah yang dibina pada zaman dahulu. Elemen yang akan mewakili sesuatu etnik, kaum dan adat masing-masing terdapat pada kebanyakan rumah tradisional. Menurut Anna (2022), dapat dilihat bahawa rumah-rumah tradisional yang masih teguh berdiri sehingga ke hari ini terdapat di serata Malaysia. Rumah tradisional Melayu adalah sangat bernilai kerana merupakan sebahagian daripada warisan seni bina Malaysia. Pada zaman

dahulu, kebanyakan orang sangat mahir dan kreatif dalam bidang seni bina sehingga dapat membentuk dan membina sebuah rumah yang sempurna. Dengan melihat kepada penggunaan bahan binaan, keperluan semasa dan adaptasi cuaca jelas menunjukkan kreativiti dan kebijaksanaan mereka dalam perluasan ruang dan penggunaan.

Cara hidup orang Melayu itu sendiri dan sikap terbuka mereka dipaparkan melalui rumah tradisional Melayu. Secara amnya, rumah tradisional Melayu menggunakan kayu untuk membuat tiang. Atap rumah menggunakan atap rumbia dan bahagian dinding diperbuat daripada anyaman buluh. Jika dilihat pada bahagian sudut rumah pula mempunyai sistem pengaliran udara yang cukup bagus melalui tingkap-tingkap yang terdapat pada rumah tradisional yang telah mendominasi. Ruang dalaman pada rumah mempunyai dinding pemisah yang sangat minima serta ruang terbuka yang luas.

Rumah tradisional Melayu di Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis reka bentuk mengikut negeri masing-masing. Antaranya, Rumah Tradisional Melaka di negeri Melaka, Rumah Minangkabau di negeri Sembilan, Rumah Perabung Lima di negeri Kelantan, Rumah Limas di Johor, Rumah Panjang di Sarawak, Rumah Kutai di Perak dan sebagainya.



2.3 Jenis-jenis Seni bina di Perak

Menurut Sabrizaa (2018) menegaskan bahawa pada asasnya seni bina Perak boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu seni bina Melayu tradisional, seni bina kolonial dan seni bina moden.

i. Seni bina Melayu tradisional

Seni bina Melayu tradisional yang terdapat di Perak kebanyakannya berbentuk rumah tradisional termasuk Rumah Limas Potong Perak dan Rumah Kutai, istana Melayu lama dan masjid. Berdasarkan kajian Anuar Talib (2006) mendapati Rumah Kutai merupakan reka bentuk rumah Melayu Perak yang lebih awal berbanding Rumah Limas Bumbung Perak. Selain daripada garis masa, reka bentuk bumbung dan perincian pembinaan juga menandakan perbezaan antara kedua-dua rumah. Rumah terawal Rumah Limas Bumbung Perak ditemui dibina sekitar 1900-an dan berterusan sehingga 1970-an dengan pembangunan reka bentuk seni bina tertentu.



Rajah 2.1: Istana Kenangan, Kuala Kangsar
Sumber: Google (<https://www.tripadvisor.com>, dilihat pada 14 Mei 2022)

ii. **Seni bina kolonial**

Bagi seni bina kolonial kebiasaannya terletak di bandar-bandar utama. Kebanyakan seni bina kolonial dapat dilihat di beberapa bandar di sepanjang Sungai Perak seperti Pasir Salak, Kampung Gajah, Bota, Kuala Kangsar, Parit, Manong dan Teluk Intan. Ia dilihat melalui binaan yang terdapat di rumah, sekolah, pejabat, rumah rehat, masjid dan hospital yang teguh dan masih digunakan hingga ke hari ini.



Rajah 2.2: Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar
Sumber: Google (<https://www.bharian.com.my>, dilihat pada 14 Mei 2022)



Rajah 2.3: Muzium Perak, Taiping
Sumber: Google (<https://www.flickr.com>, dilihat pada 14 Mei 2022)

iii. Seni bina moden

Seni bina Moden kebanyakannya dibina pada era baru atau era pasca merdeka.



Rajah 2.4: Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh

Sumber: Google (<https://www.picfair.com>, dilihat pada 14 Mei 2022)

2.4 Rumah Tradisional Melayu di Perak

Beberapa faktor telah mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional Melayu di Perak seperti faktor sosiobudaya, agama, kepercayaan, faktor persekitaran iaitu tindak balas terhadap iklim dan cuaca. Iklim di Malaysia yang tidak menentu seperti mempunyai haba lembap iaitu bercirikan suhu yang agak tinggi, tahap kelembapan yang tinggi dan hujan sepanjang tahun. Selain itu, perkara yang mempengaruhi pembentukan reka bentuk rumah tradisional Melayu adalah melalui budaya Melayu dan agama Islam yang dijadikan sebagai pegangan serta amalan penduduk Melayu.

Rumah tradisional Melayu di Perak pula membentuk sekurang-kurangnya dua kategori iaitu Rumah Kutai dan Rumah Limas Potong Perak yang dibina sebelum tahun 1900-an, Rumah Kutai ialah gaya tertua rumah Melayu tradisional Perak manakala Rumah Limas Potong Perak ialah gaya terakhir yang mula dibina bermula dari tahun 1900-an seterusnya (Rashid, 2017).

i. **Rumah Kutai**



Rajah 2.5: Rumah Kutai

Sumber: Kajian Lapangan, Mei 2022

Reka bentuk yang terdapat pada Rumah Kutai telah menggambarkan ciri-ciri orang Melayu itu sendiri. Rumah Kutai yang dibina kebiasaannya bersifat sederhana dengan ruang dalaman yang fleksibel dan amat sesuai dengan persekitaran. Bahagian utama pada Rumah Kutai ialah Rumah Ibu. Pada ruang ini penekanan yang ketara ditunjukkan oleh pemilik rumah dari aspek reka bentuk, pemilihan bahan dan teknologi pembinaan. Bagi Rumah Kutai yang asli, rumah ibu merupakan kawasan utama yang terdapat serambi, ruang tengah, bilik tidur dan tangga utama. Rumah anjung pula adalah tempat melakukan acara rasmi seperti merisik, majlis akad nikah, resepsi perkahwinan dan aktiviti keagamaan. Rumah tengah mempunyai tangga kedua yang biasa digunakan oleh kaum wanita. Rumah dapur terletak di bahagian belakang rumah adalah tempat bagi kaum wanita untuk menyediakan makanan. Dari segi reka bentuk, elemen penting bagi Rumah Kutai ialah pada bumbung dan struktur bumbung kerana ia melindungi rumah daripada tekanan iklim. Bentuk bumbung yang dibina perlu mempunyai ketahanan, estetika, keselesaan dan keupayaan untuk menahan perubahan iklim.

ii. **Rumah Limas Potong Perak**



Rajah 2.6: Rumah Limas Potong Perak
Sumber: Kajian Lapangan, Mei 2022

Kebanyakan rumah menampilkan bumbung potong perak telah dikesan sejak abad ke-19 merupakan salah satu rumah tradisional Melayu yang unik di Perak. Ia juga digelar sebagai Rumah Limas Bumbung Perak melalui penggabungan beberapa elemen hiasan seperti Kepala Cicak, Kepala Tingkap, Kepala Pintu, Tunjuk Langit, Papan Cantik yang memberikan keunikan pada rumah tersebut. Dari segi komponen pada Rumah Limas Potong Perak terdiri daripada rumah Ibu, rumah anjung, rumah selang dan rumah dapur bersama dengan ruang perantara seperti anjung, serambi, ruang tengah dan ruang dapur (Rasyid, et al, 2019). Rumah Kutai Potong Perak terdiri daripada ruang dan susunan yang kompleks, serta fasad rumah itu dilengkapi dengan banyak bukaan tingkap penuh yang dilihat sebagai lebih terbuka dan mesra daripada watak rumah yang ringkas dan inklusif (Rashid, 2018).

Pada awal abad ke-20, reka bentuk bumbung Rumah Limas Potong Perak telah mula dikenali oleh masyarakat setempat. Bumbung seperti ini merupakan hasil tiruan daripada reka bentuk bumbung Belanda semasa era kolonial. Perkara yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk bumbung rumah limas adalah

penggunaan zink sebagai bahan dalam membuat bumbung. Reka bentuk bumbung Rumah Limas Potong Perak terkenal di pantai barat semenanjung Malaysia. Asal-usul bagi perkataan limas sukar untuk ditentukan. Walau bagaimanapun, menurut Tuan Haji Muhamad yang berasal dari Lenggong, Perak mengatakan bahawa perkataan limas berasal daripada perkataan “lima” kerana bumbung rumah jenis ini biasanya mempunyai lima rabung (Halim Nasir, 1996). Pembinaan Rumah Limas Potong Perak dianggap berbeza dari Rumah Kutai kerana rumah limas menggunakan paku untuk mengukuhkan semua struktur. Pembinaan rumah limas adalah lebih mudah untuk dibina berbanding Rumah Kutai. Rumah limas telah ditambah dan diubahsuai seperti penambahan ruang garaj, ruang dapur konkrit yang terletak di bawah, bilik mandi moden dan sebagainya.

2.5 Jenis-jenis Rumah Kutai

Didalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada satu kategori sahaja bagi rumah tradisional Melayu di Perak iaitu Rumah Kutai. Rumah Kutai mempunyai bentuk bumbung dan bentuk rumah asas. Menurut Ariffin & Talib (2004) menjelaskan bahawa semasa mereka menjalankan kajian mengenai variasi Rumah Kutai antara tempoh 1817 hingga 1935. Pada setiap tahun, Rumah Kutai telah berkembang dengan penambahan beberapa ruang tambahan mengikut keperluan semasa iaitu telah berubah daripada bentuk asas yang terdapat pada pelan rumah. Pengkaji mendapati terdapat tiga jenis Rumah Kutai yang berada di negeri Perak. Antaranya ialah Kutai Asli, Kutai Anjung dan Kutai Anjung Beranda. Pada ketiga-tiga jenis Rumah Kutai ini didapati kaedah pembinaan dan bahan yang digunakan untuk membina rumah mungkin mengalami perubahan mengikut kesesuaian rumah. Didalam jadual di bawah pengkaji akan menerangkan ilustrasi dan penerangan mengenai jenis-jenis Rumah Kutai berpandukan kepada kajian yang dilakukan oleh Al Ahmadi (2000), Ariffin & Talib (2004), dan Wong (1995).

Jadual 2.1: Jenis-jenis Rumah Kutai

Jenis-jenis Rumah Kutai	Rumah Kutai Asli	Rumah Kutai Anjung	Rumah Kutai Anjung Beranda
<p>Ilustrasi</p>	 <p style="text-align: center;">Kutai Asli</p>	 <p style="text-align: center;">Kutai Anjung</p>	 <p style="text-align: center;">Kutai Anjung Beranda</p>
<p>Penerangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menurut Ariffin & Talib (2004) dan Al Ahmadi (2000), mereka mendapati bahawa Kutai Asli adalah salah satu daripada Rumah Kutai terawal yang didirikan oleh penduduk tempatan di negeri Perak. • Kutai Asli telah mula wujud sekitar tahun 1817 hingga 1900-an. • Kutai Asli mempunyai ruang dalaman yang sangat asas iaitu terdiri daripada Rumah Ibu dan tangga. • Terdapat dua jenis Kutai Asli iaitu Kutai Asli tiang 12 dan Kutai Asli tiang 16. • Bentuk bumbung pada Kutai Asli adalah menggunakan bumbung panjang yang mempunyai sudut bumbung antara 50 hingga 60 darjah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kutai Asli telah mengalami perubahan dari segi bentuknya iaitu pada tahun 1900 hingga 1910-an. • Penambahan berlaku pada ruang dalaman. Oleh itu Kutai Asli telah berubah kepada Kutai Anjung. • Kutai Anjung terdiri daripada rumah ibu dan penambahan kawasan anjung (Ariffin & Talib, 2004). • Anjung ialah tambahan ruang pada bahagian tengah rumah ibu yang agak menonjol. • Penambahan itu telah menyebabkan perubahan kepada bentuk rumah iaitu berbentuk 'T'. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kutai Anjung Beranda ialah Rumah Kutai yang berkembang dari segi penambahan ruang yang mempengaruhi ruang dan bentuk rumah itu sendiri. • Pembinaan Kutai Anjung Beranda dipercayai bermula dari tahun 1920 hingga 1935-an (Ariffin & Talib, 2004). • Rumah Kutai Anjung mengalami perubahan secara beransur-ansur kepada Kutai Anjung Beranda melalui penambahan ruang beranda pada kawasan pintu masuk di bahagian hadapan rumah. • Beranda ialah ruang untuk menyambut tetamu sebelum tetamu memasuki rumah. Ruang bagi beranda lebih rendah daripada rumah ibu

Jenis-jenis Rumah Kutai	Rumah Kutai Asli	Rumah Kutai Anjung	Rumah Kutai Anjung Beranda
			<p>dan kawasan anjung.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Beranda mempunyai fungsi di mana aktiviti tidak formal berlaku pada ruang tersebut. • Kutai Anjung Beranda masih mempunyai bentuk dan ciri yang sama seperti Kutai Anjung iaitu pelan rumah yang berbentuk 'T'. • Melalui pembinaan Kutai Anjung Beranda menambahkan lagi privasi kepada pemilik rumah kerana tetamu tidak perlu masuk ke dalam rumah apabila melakukan aktiviti tidak formal.

2.6 Rumah Kutai

Walaupun terdapat tiga jenis Rumah Kutai yang berada di Perak iaitu Kutai Asli, Kutai Anjung dan Kutai Anjung Beranda. Namun, pengkaji hanya akan memfokuskan kepada satu jenis Rumah Kutai sahaja iaitu Rumah Kutai Asli.



Rajah 2.7: Rumah Kutai Asli

Sumber: Kajian Lapangan, Mei 2022

Rumah Kutai tidak terdapat di negeri-negeri yang lain dan hanya boleh didapati di negeri Perak sahaja yang menjadi warisan seni bina Melayu. Kutai bermaksud tua atau kuno seperti yang dinyatakan dalam Vicinity Perak (2006) bahawa rumah-rumah ini boleh ditemui terutamanya di sepanjang Sungai Perak di tiga daerah iaitu Perak Tengah dan Kuala Kangsar dan Pasir Salak.

Rumah Kutai mempunyai bumbung panjang tradisional yang sangat unik. Kebanyakan rumah pada asasnya mempunyai loteng, biasanya digunakan untuk penyimpanan barang yang jarang digunakan. Atap rumbia atau nipah digunakan untuk membuat bumbung. Namun pada masa kini, kebanyakan pemilik Rumah Kutai menggunakan atap zink untuk menggantikan bumbung yang sedia ada kerana lebih mudah untuk diselenggara. Kelarai digunakan sepenuhnya untuk dinding dan lantai (Vicinity Perak, 2006). Lantai rumah dinaikkan kepada kira-kira dua meter dari tanah. Buluh digunakan untuk memberi ruang pengudaraan secara semula jadi dan

mengurangkan silau. Oleh itu, Rumah Kutai sangat berbeza dari rumah tradisional Melayu lain yang kebanyakannya menggunakan kayu sebagai panel dinding dan lantai.

Kebiasaannya Rumah Kutai mempunyai 12 atau 16 tiang pada bahagian utama (Talib, 2004). Tiang adat atau tiang seri diperbuat daripada kayu yang tahan seperti kayu cengal, merbau atau damar. Pada zaman dahulu tiang pada Rumah Kutai mempunyai tiga bentuk yang berbeza seperti bulat, empat segi atau segi lapan. Menariknya, struktur pada Rumah Kutai tidak bersimen atau berpaku, namun rumah-rumah ini masih boleh berdiri tegak setelah sekian lama (A.H.Nasir, 1988). Rumah Kutai mempunyai binaan yang boleh diangkat dan dipindahkan ke kawasan lain (Al Ahmadi, 2000). Ruang pada Rumah Kutai terdiri daripada beranda, ruang tamu dan sebuah bilik. Dapur terletak di bahagian paling belakang rumah yang dipisahkan oleh laluan yang tidak berbumbung.

Rumah Kutai tradisional kebiasaannya mempunyai dua pintu masuk iaitu di hadapan dan belakang. Pada bahagian hadapan adalah pintu bagi lelaki, manakala pada bahagian belakang adalah pintu bagi perempuan. Pintu gelangsar dibuat dalam keadaan yang rendah bertujuan supaya para tetamu yang ingin masuk ke dalam rumah akan menundukkan sedikit kepala sebagai tanda hormat kepada tuan rumah (Vicinity Perak (2006).

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.7 Konsep Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan

2.7.1 Konsep keaslian

Menurut Dokumen Nara mengenai Keaslian (1994) menyatakan bahawa perkataan "keaslian" pertama kali muncul dalam dokumen berkaitan pemuliharaan antarabangsa terdapat dalam Piagam Venice. Ia menyatakan bahawa pembinaan semula sesuatu tapak warisan tidak dibenarkan sedangkan hanya pemasangan semula yang dibenarkan. Bahkan dalam versi awal Garis Panduan Operasi Konvensyen Warisan Dunia, dinyatakan bahawa sifat budaya mesti "memenuhi ujian keaslian dalam reka bentuk, bahan, pembuatan, dan pengaturan."

Pada Persidangan Nara, konsep "keaslian progresif", yang bermaksud lapisan sejarah yang telah diperolehi oleh harta budaya sepanjang masa dianggap sebagai sifat asli harta budaya itu; telah disahkan. Ayat pendek yang ditulis oleh David Lowenthal (2008) tepat dan jelas dalam menerangkan konsep ini. Ini berlaku kerana "Keaslian dalam praktiknya tidak pernah mutlak, selalu relatif."

Melalui "Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan" sahaja yang dapat menerima dan mempraktikkan secara sejagat konsep pemuliharaan warisan. Proses untuk mengembalikan sesuatu objek warisan dianggap sebagai etika, manakala keaslian pula dianggap sebagai satu aspek estetik. Aspek yang dianggap penting adalah etika berbanding estetika semasa menjalankan pemuliharaan terhadap bangunan warisan. Dalam pemuliharaan, bagaimana untuk mengembalikan sesebuah bangunan kepada bentuk yang asal adalah perkara penting yang perlu dititikberatkan kerana kecantikan bukan menjadi suatu ukuran.

Menurut Warren (1996), dalam amalan pemuliharaan sejagat, konsep keaslian dalam pemuliharaan warisan amat dititikberatkan. Dari segi luaran, keaslian dianggap sebagai satu aspek estetika atau kecantikan manakala aspek estetika kerja adalah proses untuk mengembalikan objek warisan seperti keadaan yang asal. Menurut Fielden (1993), keaslian adalah aspek yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit kerana apabila berlaku peredaran masa, sumber warisan akan turut berubah. Oleh sebab itu, melalui keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada sesuatu sumber warisan, konsep keaslian akan lebih mudah untuk difahami. Namun, proses penambahan elemen baru atau penggantian bahan dapat mengancam keaslian kerana perubahan masa dan persekitaran.

2.7.2 Keaslian reka bentuk

Menurut A.G. Ahmad (2010), pada kebiasaannya sejarah perkembangan pembinaannya yang tersendiri terdapat pada setiap bangunan lama. Mengikut era dan penghuni yang mendiami sesebuah bangunan menjadi punca berlaku perubahan binaan terutamanya pada bangunan yang masih berdiri dengan teguh dan kekal pada masa kini. Terlebih dahulu, reka bentuk yang sebenar perlu ditentukan. Selain itu, bagi menentukan sesuatu konsep keaslian adalah amat sukar. Oleh itu, tahun bilakah bangunan patut dikaji dan dipulihara perlu diteliti sebelum membuat sebarang pilihan. Bagi proses pemuliharaan reka bentuk, struktur asal pada bangunan, hubungan dengan persekitaran dan gaya seni bina perlu dikaji dengan teliti.

2.8 Penutup

Rumah Kutai berasaskan bahan semula jadi seperti kulit kayu tepas, batang nibong, buluh dan atap rumbia merupakan salah satu keunikan dalam mencipta Rumah Kutai. Faktor dari alam semula jadi seperti ribut, hujan dan pancaran cahaya matahari serta serangan daripada binatang buas telah menyebabkan berlakunya pembinaan terhadap Rumah Kutai yang dijadikan sebagai tempat kediaman dan perlindungan oleh masyarakat pada zaman dahulu. Rumah Kutai telah dikategorikan sebagai salah sebuah rumah Melayu tradisional melalui penggunaan bahan semula jadi bagi pembinaan rumah ini. Penggunaan bahan pada atap dan dinding di Rumah Kutai adalah berbeza dari segi kualiti dan ketahanan berbanding dengan rumah tradisional yang lain.

Masyarakat pada masa kini yang telah menyusuri arus pemodenan dilihat lebih cenderung untuk membina rumah yang berunsurkan kepada ciri kemodenan. Bagi membina sebuah rumah yang kelihatan lebih selesa dan cantik, maka konsep serta citarasa masyarakat amat memainkan peranan yang sangat penting. Penggunaan dinding yang menggunakan dinding tepas daripada kulit kayu tepas dan berlantaikan kayu merupakan antara ciri-ciri tradisional yang digunakan pada Rumah Kutai. Reka bentuk dan keunikan yang wujud telah membuatkan beberapa kelompok masyarakat suka dan tertarik terhadap rumah ini. Namun, melalui kehadiran batu-bata pada masa kini, segelintir lapisan masyarakat lebih memilih untuk membina rumah yang moden iaitu diperbuat daripada bahan yang lebih mahal. Rumah Kutai penuh dengan keunikan dan kemegahan senibina yang sering disanjung oleh masyarakat di negeri Perak pada satu ketika dahulu. Reka bentuk rumah tradisional ini juga merupakan sebahagian daripada lambang dan identiti yang penting di negeri Perak.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Di dalam penyelidikan kajian ini, pengkaji menggunakan satu kaedah sahaja iaitu kaedah kualitatif. Kaedah ini dapat dilakukan dengan membuat rakaman video, mengambil gambar atau temubual oleh pengkaji untuk memperoleh maklumat dan data. Kaedah atau cara yang membabitkan kepada pelbagai bentuk data dan kualiti seperti satu pernyataan atau perkataan adalah merupakan kaedah kualitatif. Sebagai medium untuk menjalankan kajian, pengkaji menggunakan *platform* digital. Bagi memperoleh maklumat dan data, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian ini yang berkaitan dengan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai dan faktor-faktor kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Perancangan semasa menjalankan penyelidikan dengan betul dan sistematik berdasarkan reka bentuk yang sesuai iaitu menggunakan pendekatan yang terdapat dalam proses bagi mendapatkan data penyelidikan adalah amat penting supaya dapat memperoleh sumber maklumat dan data yang berkualiti serta dapat dipercayai (R.M Yasin dan Shamuni Kunjiapu, 2010).

Melalui gambaran yang telah dirancang berdasarkan satu bentuk kajian yang dibuat atau kajian yang bersifat deskriptif digunakan oleh pengkaji di dalam penyelidikan ini. Menurut Denzin dan Lincoln (1995) menghuraikan bahawa bagi melaksanakan sesuatu kajian atau penyelidikan, pengkaji menggunakan pendekatan secara semula jadi serta melibatkan pelbagai bentuk kaedah secara fokus yang dipraktikkan di dalam penyelidikan secara kualitatif. Cresswell dan J.W (2012) pula mentakrifkan bahawa kebiasaannya sesuatu permasalahan sosial akan ditinjau dengan menggunakan kaedah mengumpulkan data melalui proses inkuiri ke arah

pemahaman yang didasarkan merupakan pentakrifan kepada penyelidikan secara kualitatif. Perolehan data daripada imej dan teks sangat berkait rapat dengan kaedah kualitatif. Bagi melukiskan reka bentuk yang pelbagai dan menganalisis data di dalam kaedah kualitatif adalah proses yang berbeza berbanding dengan kaedah kuantitatif. Di dalam seluruh proses penyelidikan akan melibatkan penulisan, menganalisis dan mengumpul data yang perlu diberikan tumpuan di dalam reka bentuk.


Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, mencatatkan bahawa dalam sesuatu disiplin atau kegiatan yang menggunakan sistem yang terdiri daripada kaedah dan prinsip adalah sebagai takrif bagi metodologi. Selain itu, sesuatu disiplin yang teratur dalam melaksanakan kajian ke atas subjek kajian yang menggunakan satu kaedah juga merupakan metodologi. Metodologi ini bertujuan untuk menjadikan suatu kajian itu bagus. Oleh yang demikian, pengkaji akan bersungguh-sungguh untuk memanfaatkan teori penyelidikan dalam menghasilkan kertas kajian. Pada bahagian ini akan membincangkan persoalan-persoalan kajian yang akan terjawab melalui reka bentuk kajian, instrumen kajian, proses pengumpulan data. Selain itu, bagi mencapai objektif kajian melalui sumber yang boleh dipercayai dan data sah, pengkaji menggunakan metodologi kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian


Cara dan bagaimana untuk menyelesaikan persoalan untuk mendapatkan jawapan telah didorong oleh penggunaan reka bentuk kajian oleh pengkaji. Penyelidik cuba untuk mencapai objektif-objektif kajian yang berada di dalam reka bentuk kajian yang merupakan metode. Bagi merealisasikan apa yang ingin dicapai, pelbagai cara atau kaedah dirangka oleh pengkaji dengan sedaya upaya bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Terdapat dua sumber yang digunakan oleh pengkaji iaitu sumber primer dan sumber sekunder sebagai kaedah bagi mengumpulkan data (Syed Ismail, 2010).

Perkara penting untuk memudahkan sesuatu kerja dilakukan melalui Kajian Tindakan yang berperanan sebagai rujukan keseluruhan kerja dan sumber panduan yang berpandukan kepada carta aliran kaedah kajian. Pelbagai teknik kajian dan penyelidikan diambil kira semasa melakukan Kajian Tindakan secara sistematik (Ferrance, E; 2000). Bagi memastikan sumber maklumat yang didapati lebih teratur dan tersusun, pengkaji menggunakan secara keseluruhan proses kajian tindakan yang ditunjukkan pada kaedah kajian di Rajah 3.2.

Dalam kajian ini, pada Rajah 3.1 menyatakan bahawa bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian.



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian



Rajah 3.2: Proses Kajian Tindakan (Ferrance, E; 2000)

Data primer dan data sekunder digunakan oleh pengkaji semasa melaksanakan kajian ini. Menurut Syed Ismail (2010), maklumat asal yang tidak boleh diterbitkan atau boleh diterbitkan serta merupakan penemuan baru penyelidikan asli adalah data primer. Manakala, bahan yang ditafsir dan ditulis oleh para sejarawan melalui pembacaan yang dibuat oleh pengkaji merupakan data sekunder.

3.2.1 Data Primer

3.2.1.1 Pemerhatian

Kaedah yang amat penting adalah melalui pemerhatian ikut serta ke kawasan lapangan atau lawatan secara langsung ke lokasi kajian. Menurut Cottingham (2002) mengatakan bahawa bagi memahami ilmu sains bumi atau lingkungan, kegiatan pemetaan merupakan salah satu proses yang memainkan peranan yang penting dengan cara melakukan pemerhatian. Pengkaji akan mengunjungi kawasan kajian yang hanya tertumpu di kawasan Bota Kanan, Perak

bagi melihat sendiri ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai yang masih ada. Bagi memasukkan data dan maklumat yang dikehendaki ke dalam penulisan penyelidikan kajian adalah melalui catatan, beberapa kepingan gambar dan rakaman video. Pengkaji akan mencatat data-data dan merekodkannya menggunakan kaedah tersebut.

Kaedah pemerhatian digunakan untuk reka bentuk kajian dalam penyelidikan ini. Kajian ini adalah untuk menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, mengenal pasti perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Melalui objektif yang telah ditetapkan, maklumat yang didapati lebih tepat dan relevan dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Proses bagi mendapatkan maklumat lebih mudah dengan kerjasama yang diberikan daripada responden iaitu menggunakan kaedah instrumen temu bual.

3.2.1.2 Temu Bual

Berkaitan dengan kajian yang dilaksanakan, pengkaji akan bertanyakan soalan secara spontan, bersifat terbuka dan tidak terlalu serius kepada responden dengan menggunakan kaedah temu bual.

Selain itu, soalan yang tidak terlalu formal dan bersifat rawak diberikan selaras dengan objektif kajian secara semi-struktur yang dijadikan sebagai kaedah kedua. Bagi memperoleh maklumat berkaitan Rumah Kutai daripada responden, pengkaji menggunakan kaedah temu bual.

Setiap perkara yang telah dipelajari tidak hanya diingati semula, sebaliknya pengkaji juga dapat memperoleh pengetahuan baharu dengan peningkatan cara percakapan semasa membicarakan sesuatu

supaya lebih lancar dan teratur melalui cara bertanya soalan yang berkesan (Van Es, 2006).

3.2.1.3 Catatan

Pengkaji menggunakan diari atau buku nota yang berkulit keras untuk mencatat setiap perkara yang didapati secara langsung dan lisan melalui hasil dari pemerhatian dan temu bual yang dilaksanakan. Pengkaji tidak perlu mencari maklumat di tempat yang lain kerana dengan penggunaan kaedah ini pengkaji dapat melakukan analisis data dan membuat dokumentasi dengan lebih teratur dan memudahkan. Maklumat dapat diringkaskan dengan lebih padat melalui lukisan rajah serta memudahkan pengkaji. Secara tidak langsung melalui penulisan catatan dapat membantu pengkaji memberi maklumat.

3.2.1.4 Rakaman Foto

Semasa kajian dijalankan di sekitar Bota Kanan, beberapa kepingan gambar yang berkaitan dengan kajian akan diambil oleh pengkaji. Bagi menjelaskan dengan lebih terperinci kepada pembaca, gambar yang dapat memberikan maklumat akan diletakkan di dalam laporan ini. Perkara tersebut juga dapat menguatkan serta mengukuhkan lagi kajian yang dibuat melalui kewujudan gambar yang telah diambil. Jika berlakunya sebarang masalah seperti kehilangan maklumat yang bertulis akibat dari bencana alam seperti banjir atau sebagainya, kesemua data-data telah direkodkan melalui kaedah ini sebagai langkah berjaga-jaga.

Telefon pintar digunakan oleh pengkaji sebagai peranti untuk membuat rakaman foto. Hasil daripada penggabungan antara dua media iaitu media komunikasi visual dan media komunikasi perkataan dapat mengabadikan sesuatu sejarah atau peristiwa yang berlaku melalui ulasan, gambar, interpretasi tingkah laku dan gaya manusia serta dokumentasi dengan menggunakan imej visual yang dianggap sebagai perkara penting dalam dunia kewartawanan foto (Ian Bradshaw, 1986).

3.2.2 Data Sekunder

3.2.2.1 Sumber Perpustakaan

Pengkaji akan mencari data dan maklumat mengenai Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak melalui kajian perpustakaan terlebih dahulu sebelum melakukan pemerhatian ke lokasi kajian. Melalui jurnal atau surat khabar pengkaji akan mendapatkan maklumat yang berkaitan sebagai rujukan dan panduan terhadap kajian yang dilaksanakan.

Bagi memastikan sesuatu kajian dapat dilaksanakan dengan bagus, gambar-gambar, tulisan-tulisan dan sebagainya akan diambil untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Bagi memperoleh pelbagai maklumat dan sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perpustakaan utama yang dikunjungi oleh pengkaji ialah di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk mencari bahan rujukan dan membuat maklumat. Bagi memastikan maklumat-maklumat yang dicari dapat dikumpulkan untuk didokumentasikan, pengkaji menggunakan laman web yang tertentu berkait dengan

tajuk kajian bagi mendapatkan bahan serta maklumat daripada internet. Pengkaji akan menyelidik semula menggunakan jurnal, kamus, surat khabar, kajian lepas dan buku melibatkan tajuk yang dikaji bagi mengenal pasti data-data, konsep-konsep dan teori yang digunakan adalah sesuai.

3.3 Instrumen Kajian

Bagi menjalankan sesuatu kajian, pengkaji menggunakan satu alat yang dikenali sebagai instrumen kajian. Menurut Norhayati (2011), instrumen kajian dibentuk khas untuk mendapatkan maklumat kajian melalui kenyataan-kenyataan dan soalan-soalan yang telah dibuat oleh pengkaji. Bagi mencapai objektif kajian, perkara utama bagi memperoleh data yang diperlukan oleh pengkaji adalah menggunakan instrumen kajian. Objektif kajian akan dijalankan dengan lancar dan tercapai serta memperoleh data dengan mudah adalah merupakan tujuan menggunakan instrumen semasa kajian dijalankan.

Kaedah kualitatif melalui kaedah pemerhatian dan temu bual secara langsung dengan responden di Bota Kanan, Perak yang masih terdapat Rumah Kutai adalah merupakan kaedah utama yang digunakan dalam menjalankan kajian. Seterusnya, bagi memastikan maklumat yang diperolehi sahih dan tidak berlakunya sebarang salah faham adalah amat penting supaya pengkaji bertemu masyarakat atau pihak yang mahir berkaitan penyelidikan yang dijalankan melalui kaedah temu bual. Bagi memenuhi objektif kajian di dalam penulisan penyelidikan, pengkaji boleh mendapatkan maklumat yang tepat melalui bantuan daripada responden iaitu pewaris Rumah Kutai itu sendiri. Soalan-soalan lazim yang disediakan oleh pengkaji akan digunakan semasa kajian ini dijalankan yang menjadi sebagai instrumen kajian. Sebagai rujukan kepada penyelidikan di dalam kajian ini, pengkaji akan menangkap

beberapa kepingan gambar dan membuat rakaman yang akan dijadikan sebagai bukti kepada penyelidikan. Pengkaji juga akan membuat catatan terhadap data dan maklumat yang telah diperolehi (Norhayati, 2011).

Akhir sekali, pengkaji akan meninjau sendiri ke lokasi kajian dengan cara mengunjungi secara langsung melalui kaedah pemerhatian berkaitan objektif yang dikaji iaitu ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak, mengenal pasti perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak dan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Setiap maklumat yang diperolehi boleh dijadikan sebagai bahan rujukan melalui pemerhatian terhadap sampel kajian yang dilaksanakan dengan tepat, lebih terperinci dan jelas (Norhayati, 2011). Telefon pintar digunakan oleh pengkaji untuk merakam video dan foto sebagai instrumen alat teknologi moden yang menjadi langkah-langkah untuk meningkatkan kebolehpercayaan kaedah pemerhatian dan dapat meninggikan kesahan. Bagi memastikan masa yang diluahkan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya tanpa berlaku pembaziran, kaedah pemerhatian perlu dijalankan secara konsisten dan sistematik. Instrumen kajian yang berbentuk tulisan di buku akan dicatatkan dengan maklumat dan data yang diperolehi.

3.4 **Prosedur Pungutan Data**

Bagi menjalankan kajian, terlebih dahulu pengkaji akan mendapatkan surat kebenaran daripada pihak fakulti sebelum pemerhatian dilakukan untuk mengumpul dan memperoleh data. Seterusnya, pengkaji akan ke perpustakaan bagi mendapatkan rujukan daripada kajian lepas oleh pengkaji sebelumnya dan buku yang berkaitan dengan kajian. Proses mendapatkan data dan maklumat akan lebih mudah tanpa sebarang gangguan dengan cara membuat temu janji sebelum ke lokasi kajian. Selain itu, membuat temu janji penting semasa menemu bual dengan pewaris Rumah Kutai bagi mengelakkan berlakunya pertindihan masa.


3.5 **Kaedah Analisis Data**

Menurut Merriam (1998) menjelaskan bahawa di dalam kajian kualitatif, menganalisis dan mengumpulkan data adalah satu perkara yang dilakukan secara bersama-sama. Sewaktu data pertama diperoleh, analisis data turut dilakukan. Merriam (1998), perkara yang amat penting bagi pengkaji selepas mengumpulkan data adalah menapis dan mengurus data dengan sebaiknya. Perkara itu dapat membantu pengkaji untuk menjalankan pemerhatian seterusnya dan menyediakan soalan untuk ditanya. Pengkaji dapat mengumpulkan semua maklumat dan data melalui penggunaan kaedah analisis yang dipraktikkan. Bagi memastikan maklumat dapat dikumpulkan secara sistematik dan teratur, pengkaji perlu menyusun semula data dengan menggunakan kaedah analisis dan pentafsiran.

Sebelum sebarang data dianalisis, terlebih dahulu data-data yang telah dikumpulkan akan disusun dan diteliti. Berpandukan kepada maklumat yang dikumpul selepas analisis yang akan membentuk data-data kualitatif (Merriam, 1998). Mengikut kepada kesesuaian bagi tema-tema yang terdapat pada kajian, data-data telah dibahagikan oleh pengkaji. Dengan menggunakan kaedah menganalisis yang sesuai, analisis dibuat berdasarkan kepada pengumpulan data sekunder di dalam kajian ini. Setiap jawapan yang diberikan oleh responden melalui sesi temuramah secara tidak formal yang dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual bagi mengumpulkan data-data. Hasil atau dapatan kajian yang dipaparkan adalah daripada jawapan yang telah diberikan oleh responden, seterusnya akan diringkaskan supaya membentuk ayat yang mudah untuk difahami.

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

Objektif Kajian	Pendekatan Kajian	Instrumen Kajian
Menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kajian Ilmiah 2. Temubual 	<p>Kajian Ilmiah</p> <p>Melayari portal atau laman web yang menjalankan kajian berkaitan dengan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai serta mendapatkan sumber atau rekod yang berkaitan dengan Rumah Kutai.</p> <p>Temubual</p> <p>Mengadakan sesi temubual bersama penduduk di sekitar Bota Kanan.</p>
Mengenal pasti perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Temubual 2. Pemerhatian 	<p>Temubual</p> <p>Mengadakan sesi temubual bersama penduduk di sekitar Bota Kanan.</p> <p>Pemerhatian</p> <p>Turun ke lapangan bagi melihat sendiri perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai.</p>
Mengenal pasti faktor-faktor kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kajian Ilmiah 2. Temubual 	<p>Kajian Ilmiah</p> <p>Melayari portal atau laman web yang menjalankan kajian berkaitan dengan faktor-faktor kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai serta mendapatkan sumber atau rekod yang berkaitan dengan Rumah Kutai.</p> <p>Temubual</p> <p>Mengadakan sesi temubual bersama penduduk di sekitar Bota Kanan.</p>



3.6 Persampelan Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan persampelan kajian. Bagi membolehkan pengkaji untuk membuat generalisasi mengenai Rumah Kutai, pengkaji akan memilih sebilangan kecil sahaja daripada keseluruhan Rumah Kutai yang terdapat di Bota Kanan, Perak. Menurut Syed Arabi Idid (1992) menjelaskan bahawa salah satu usaha bagi memperolehi maklumat daripada sampel yang dapat mewakili keseluruhan kawasan kajian dapat dijalankan oleh pengkaji melalui kaedah persampelan. Secara ringkasnya, bagi mewakili keseluruhan kawasan kajian terhadap sampel kajian di dalam penyelidikan adalah melibatkan kaedah persampelan. Dalam pelbagai bidang penyelidikan, kebiasaannya para penyelidik akan menggunakan kaedah ini. Pengkaji telah memilih lima buah Rumah Kutai untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Pengkaji hanya memilih lima buah Rumah Kutai sahaja kerana pengkaji mendapat kebenaran daripada waris atau pemilik rumah untuk menjalankan kajian. Selain itu, rumah-rumah ini masih mempunyai waris, perkara itu memudahkan pengkaji untuk menjalankan sesi temu bual bagi memperolehi maklumat. Di dalam persampelan kajian ini pengkaji akan menggunakan kod bagi mewakili kelima-lima buah Rumah Kutai seperti di bawah:-

(I)Rumah Kutai 1 (RK1)

(II)Rumah Kutai 2 (RK2)

(III)Rumah Kutai 3 (RK3)

(IV)Rumah Kutai 4 (RK4)

(V)Rumah Kutai 5 (RK5)

Jadual 3.2: Maklumat mengenai sampel kajian

KOD/GAMBAR	KETERANGAN
 <p data-bbox="539 817 593 846">RK1</p>	<p data-bbox="842 353 1398 920">Rumah Kutai ini terletak di Kampung Pendiati. Rumah ini adalah milik seorang pembesar. Rumah ini telah diwarisi oleh Puan Hajjah Aminah binti Nordin yang merupakan generasi ke-7. Namun, setelah pewarisnya meninggal dunia rumah ini ditinggalkan tidak berpenghuni. Rumah ini dipercayai telah berusia lebih dari 120 tahun.</p>
 <p data-bbox="539 1384 593 1413">RK2</p>	<p data-bbox="842 960 1398 1323">Rumah Kutai ini terletak di Kampung Padang Changkat. Menurut salah seorang penduduk kampung di kawasan itu mengatakan bahawa rumah ini adalah milik seorang puteri iaitu bernama Puteri Limau Kasturi.</p>
 <p data-bbox="539 1832 593 1861">RK3</p>	<p data-bbox="842 1456 1398 1888">Rumah Kutai ini terletak di Kampung Kubang Chandung. Pemilik asal bagi rumah ini adalah Haji Ngah Samad. Namun, setelah kematian pemilik asal rumah ini diwarisi oleh Puan Sofiah binti Md Hanafiah yang merupakan generasi ke-4. Menurut waris pada rumah ini</p>

KOD/GAMBAR	KETERANGAN
	mengatakan bahawa usia rumah ini dianggarkan melebihi 100 tahun.
 <p data-bbox="539 887 600 920">RK4</p>	Rumah ini terletak di Kampung Padang Tenggal, Bota Kanan. Rumah ini telah diwarisi oleh Encik Mohd Ariff yang merupakan generasi ke-3. Pada asalnya rumah ini adalah kepunyaan Haji Ibrahim yang merupakan datuk kepada Mohd Ariff. Menurut pewarisnya, rumah ini telah dibina sebelum kemerdekaan lagi iaitu pada tahun 1900.
 <p data-bbox="539 1469 600 1503">RK5</p>	Rumah ini pula terletak di Kampung Pendi, Bota Kanan yang berhampiran dengan Madrasah Safinatunnaja. Menurut Puan Marziah yang merupakan penduduk kampung disitu mengatakan rumah ini kepunyaan Alang Ishak. Namun, usia bagi rumah ini tidak dapat diketahui oleh pengkaji dengan tepat.

MALAYSIA

KELANTAN

3.7 Jangkaan Dapatan Kajian

Pengkaji menjangkakan melalui hasil kajian akan membantu untuk mengetahui ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan secara menyeluruh melalui perolehan maklumat daripada pewaris-pewaris Rumah Kutai. Selain itu, dapat membantu mengetahui perubahan terhadap reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Menerusi jangkaan dapatan kajian mengenai perubahan reka bentuk Rumah Kutai dapat membandingkan reka bentuk asal dan reka bentuk yang telah diubah suai terhadap Rumah Kutai berdasarkan metodologi yang diambil kepada kajian selaras yang telah dibuat. Dalam hal ini, melalui kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain dapat mengukuhkan lagi beberapa kajian yang lepas.

Justeru itu, bagi memulihara nilai estetika yang ada pada rumah tradisional Melayu masyarakat terdahulu iaitu Rumah Kutai daripada terus dilupakan, kajian yang mendalam terhadap perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak perlu dilakukan dengan segera. Pengkaji dapat mengetahui gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai yang merupakan rumah tradisional Melayu masyarakat terdahulu mempengaruhinya yang menyebabkan perubahan dalam reka bentuk Rumah Kutai pada masa kini yang dijangkakan melalui jangkaan hasil kajian ini. Namun, pada masa kini hanya terdapat sesetengah kawasan sahaja yang masih mempunyai Rumah Kutai yang berdiri dengan kukuh dan terpelihara yang akan menjadi tinggalan sejarah dan tatapan buat generasi pada masa akan datang.

3.8 Penutup

Akhir kalam, pengkaji dapat membuat penulisan di dalam penyelidikan dengan lebih teratur dan tersusun melalui penggunaan dalam melaksanakan kajian berdasarkan kepada beberapa kaedah metodologi yang sesuai. Dalam kajian penyelidikan yang dibuat, setiap satu persoalan perlu diselesaikan. Oleh itu, pengkaji mendapatkan pelbagai data dan sumber maklumat yang berilmiah serta bermanfaat melalui kaedah metodologi. Menurut Koentjaraningrat (1991) bahawa akibat daripada ketiadaan pengukuhan dan kesahihan di dalam kajian yang dilaksanakan, maka tidak akan menjadi sempurna dan teratur pada laporan yang dibuat kerana daripada hasil metodologi tiada maklumat dan data yang diperolehi.

Dalam menjalankan sebarang penyelidikan, metodologi kajian adalah sesuatu perkara yang dianggap amat penting dan sangat berguna. Penulisan yang terdapat di dalam penyelidikan lebih tersusun dan sistematik melalui penggunaan metodologi kajian yang saling berhubung dengan perolehan hasil kajian. Maka, untuk menjadikan satu penyelidikan itu lebih sempurna dan lengkap, metodologi digunakan sebagai kaedah analisis dan kaedah pengumpulan data yang akan dibincangkan pada bahagian ini. Hal ini dilaksanakan supaya satu kajian yang berkualiti dapat dihasilkan oleh pengkaji melalui pembentukan metodologi dengan lebih tersusun dan sistematik (Koentjaraningrat, 1991).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bab dapatan kajian ini adalah salah satu bahagian yang penting kerana berpandukan kepada tajuk dan objektif kajian, pengkaji akan merungkai segala data serta maklumat yang telah didapati. Melalui dapatan kajian ini amat penting dalam melaksanakan projek penyelidikan kerana setiap permasalahan yang timbul dalam kajian dan objektif yang ingin dicapai akan terjawab seperti mana yang telah dinyatakan pada sebelum ini. Terdapat tiga objektif utama yang akan difokuskan oleh pengkaji melalui dapatan kajian ini iaitu objektif pertama adalah menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.

Seterusnya objektif yang ingin dicapai ialah mengenal pasti perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak dengan menggunakan kaedah temubual. Objektif ketiga bagi pengkaji adalah mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Terdapat beberapa faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai yang telah dilakukan oleh penduduk di Bota Kanan sehingga menyebabkan reka bentuk asal pada Rumah Kutai semakin mengalami kepupusan dari masa ke semasa.

Dalam pelaksanaan kajian, pengkaji akan menemu bual beberapa orang responden yang berada di sekitar kawasan kajian iaitu terletak di Bota Kanan. Responden terdiri daripada penduduk setempat, individu berpengalaman dan beberapa pemilik Rumah Kutai. Responden-responden yang di temubual memberikan penerangan secara mendalam mengenai ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai, perubahan reka bentuk dan faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk. Secara keseluruhannya, bagi menyempurnakan penyelidikan ini pengkaji akan


menjalankan sesi temubual untuk mendapatkan maklumat serta akan merekod dan mencatat maklumat tambahan untuk dijadikan sebagai bahan sokongan.

4.2 Reka Bentuk Asal Rumah Kutai

Reka bentuk didefinisikan sebagai satu kemahiran dan kreativiti masyarakat dalam bidang seni bina serta mencerminkan cara hidup, adat dan budi bahasa orang Melayu. Reka bentuk juga mempamerkan kebijaksanaan secara memaksimumkan penggunaan ruang mengikut peredaran masa. Reka bentuk diselaraskan bagi menyesuaikan dengan cuaca, menggalakkan pengudaraan dan meningkatkan keselesaan. Reka bentuk pada kebanyakan rumah tradisional Melayu dibina menggunakan bahan tempatan, bertiang, berdinding kayu atau anyaman buluh dan beratap. Pada kebiasaannya, kebanyakan Rumah Kutai diperbuat daripada kayu, dedaun nipah atau rumbia. Reka bentuk ruang dalaman yang fleksibel terbuka luas tanpa dinding pemisah atau sekatan dengan bilangan yang minima. Menurut Abdul Halim Nasir (1988) menegaskan bahawa reka bentuk pada Rumah Kutai mempunyai pengaruh luar iaitu pengaruh daripada Rumah Aceh dan Rumah Adat Bugis.


4.3 Bentuk Rumah Kutai

Pada bahagian ini akan diterangkan secara umum mengenai bentuk Rumah Kutai. Rumah Kutai biasanya berbentuk segi empat tepat dengan bumbung panjang. Tebar layar yang diperbuat dari pelupuh yang berkelarai akan dipasang pada sudut dinding. Manakala, di bahagian bawah kaki tebar layar terdapat pula loteng yang merupakan tempat menyimpan barang-barang yang berlantai dan beratap. Rumah Kutai terdiri daripada empat komponen utama bangunan seperti rumah ibu, selang, rumah dapur dan pelantar. Rumah ibu mempunyai 12 atau 16 batang tiang dan terdapat sebuah bilik. Seseengah Rumah Kutai yang hanya menggunakan kain langsir sebagai pembahagi bilik, ia tidak memiliki dinding pembahagi pada ruang bilik. Seterusnya, terdapat ruang selang yang tidak beratap memisahkan rumah dapur yang terletak pada bahagian belakang. Bahan binaan Rumah Kutai menggunakan buluh dan kayu iaitu kayu digunakan untuk membuat tiang dan rangka bumbung, batang pelupuh digunakan untuk membuat dinding dan daun rumbia pula dijadikan atap.



Rajah 4.1: Bentuk Rumah Kutai dari pelbagai pandangan

Sumber: Google (<https://www.orangperak.com>, dilayari pada 25 Disember 2022)



Rajah 4.2: Bentuk Rumah Kutai

Sumber: Google (<https://www.google.com>, dilayari pada 28 Disember 2022)

4.4 Ruang Rumah Kutai


Menurut Iskandar Zulqarnain (2019) menjelaskan bahawa kebiasaannya pada sesebuah rumah, ruang lingkungannya akan menentukan susunan ruang-ruang serta komponen bangunan. Rumah Kutai asal lazimnya akan mempunyai empat komponen utama bangunan iaitu rumah ibu, selang, rumah dapur dan pelantar. Oleh itu, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai ruang asal pada Rumah Kutai seperti di bawah.



Rajah 4.3: Pelan lantai Rumah Kutai

Sumber: Google (<https://www.orangperak.com>, dilayari pada 13 Jun 2022)

4.4.1 Rumah Ibu



Rajah 4.4: Rumah Ibu

Sumber: Google (<https://aminin.my>, dilayari pada 23 Disember 2022)



Rajah 4.5: Rumah Ibu


Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022

Di dalam reka bentuk Rumah Kutai mempunyai salah sebuah ruang yang utama iaitu rumah ibu. Menurut falsafah Melayu, ruang utama ini dipanggil “Rumah Ibu” kerana sebagai tanda hormat kepada peranan seorang ibu sebagai penyeri keluarga dan merupakan individu yang menguruskan rumah. Seorang ibu juga harus dihormati dan dianggap mempunyai kedudukan yang sangat mulia. Oleh itu, rumah ibu kebiasaannya menjadi sebagai tempat untuk bersantai dan beristirahat bersama dengan ahli keluarga. Bagi mewujudkan keluarga yang bahagia dan hormati, ikatan silaturahim antara ahli keluarga adalah perkara penting yang amat diterapkan oleh masyarakat Melayu.

Menurut Puan Sofiah, pada rumah ibu terdapat ruang serambi. Pada zaman dahulu ruang serambi biasanya digunakan oleh kaum lelaki untuk menjalankan kerja rumah seperti menganyam pukot, jaring dan sebagainya. Selain itu, serambi juga adalah tempat untuk berehat dan berbincang bagi kaum lelaki. Ruang ini juga berfungsi sebagai ruang tamu yang dikhaskan bagi tetamu lelaki untuk duduk sewaktu kenduri-kendara serta semasa menjalankan pelbagai aktiviti lain. Pada ruang ini kebiasaannya menjadi tempat tidur bagi anak teruna pada waktu malam. Manakala, kaum perempuan hanya akan menggunakan ruang ini dalam sesuatu keadaan yang terdesak sahaja. Kaum perempuan amat jarang menggunakan ruang serambi ini.

Rumah ibu mempunyai bumbung yang tinggi. Pada rumah ibu juga terdapat sebuah bilik yang kecil. Kebiasaannya bilik tersebut dikhaskan untuk bilik anak dara serta bilik ini wujud kemudian selepas rumah siap dibina. Pada zaman dahulu, seluruh ruang ini tidak mempunyai sebarang sekatan. Oleh itu, sebuah bendul dengan ketinggian sebanyak 5 cm timbul dari paras lantai yang dijadikan sebagai sempadan untuk membatasi ruang serambi yang dikhususkan untuk kaum lelaki dengan ruang tengah hanya untuk kaum perempuan sahaja. Diantara serambi dengan ruang tengah, kedudukan lantai kebiasaannya tidak sama paras.

4.4.2 Selang



Rajah 4.6: Selang

Sumber: Google (<https://aminin.my>, dilayari pada 23 Disember 2022)




Rajah 4.7: Selang

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022

Ruang ini adalah tempat bagi menjalankan pelbagai aktiviti dan tempat berbual bagi kaum perempuan. Ruang ini pada asalnya adalah lorong atau laluan di antara kedua ruang iaitu ruang ibu dengan ruang dapur. Ruang ini juga digunakan sebagai tempat menadah air hujan serta sebagai tempat penjemuran kain kerana pada zaman dahulu ruang ini tidak berbumbung dan berdinging. Ruang ini adalah sebagai tempat membasuh yang digunakan oleh anak-anak gadis pada suatu ketika dahulu. Pada kebiasaannya ruang yang tidak berdinging dikenali sebagai pelantar selang atau jemuran selang. Manakala apabila ruang tersebut mempunyai atap dan dinding, ia dikenali pula sebagai selang atau selasar, tetapi orang Negeri Perak tidak selalu menggunakan perkataan selasar sebaliknya mereka hanya menggunakan perkataan selang bagi merujuk kepada ruang ini. Dari aras rumah ibu dan rumah dapur, ketinggian selang adalah sedikit rendah iaitu sekitar 15cm sehingga 30cm sahaja.

4.4.3 Rumah Dapur



Rajah 4.8: Rumah Dapur

Sumber: Google (<https://aminin.my>, dilayari pada 23 Disember 2022)



Rajah 4.9: Rumah Dapur

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022



Rajah 4.10: Ruang dalaman rumah dapur

Sumber: Google (<https://docplayer.info>, dilayari pada 28 Disember 2022)

KELANTAN

Rumah dapur biasanya berbentuk rumah bujang iaitu tidak mempunyai serambi. Keluasan bagi ruang dapur adalah lebih kecil daripada rumah ibu. Ruang ini digunakan sebagai tempat menyimpan alat-alat keperluan dapur, ruang makan dan tempat memasak. Pada ruang ini juga terdapat sebuah tangga dan pelantar yang digunakan oleh kaum ibu pada zaman dahulu untuk pergi mengambil air di sungai atau perigi, mandi-manda dan sebagainya.

4.4.4 Pelantar



Rajah 4.11: Pelantar


Sumber: Google (<https://aminin.my>, dilayari pada 23 Disember 2022)

Pelantar merupakan ruang terakhir yang terdapat pada Rumah Kutai. Pelantar berfungsi sebagai ruang untuk meletak hasil dari sungai atau kebun dan tempat untuk penyediaan makanan.

4.5 Sistem Kerangka/ Struktur Rumah Kutai


Bagi membina sebuah Rumah Kutai yang lengkap, terlebih dahulu rumah tersebut perlu mempunyai sistem kerangka sebagai elemen utama yang diperlukan dalam pembinaan rumah. Pada sistem kerangka terdapat dua struktur utama yang penting iaitu tiang dan bumbung.

4.5.1 Tiang




Rajah 4.12: Susunan tiang

Sumber: Google (<https://www.semanticscholar.org>, dilayari pada 23 Disember 2022)



Rajah 4.13: Penyambungan tiang, rasuk dan gelegar

Sumber: Google (<https://www.semanticscholar.org>, dilayari pada 23 Disember 2022)



Rajah 4.14: Kedudukan tiang

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022

Menurut Anna Mohamad (2016), secara umumnya terdapat dua jenis Rumah Kutai iaitu Rumah Kutai Tiang 12 dan Rumah Kutai Tiang 16. Bagi kedua-dua jenis rumah ini tidak terdapat perbezaan kerana sama dari segi strukturnya. Terdapat enam batang tiang panjang dan enam batang tiang serambi naik pada rumah ibu bagi Rumah Tiang 12. Dari pandangan hadapan rumah, terdapat tiga baris tiang yang bersusun dan setiap baris tiang mempunyai empat batang tiang iaitu dua tiang panjang dan dua tiang serambi sama naik. Keluasan tapak bagi rumah ibu pada Rumah Kutai Tiang 12 adalah sebanyak 30' x 30' persegi yang berbentuk empat persegi tepat.

Manakala di Negeri Perak juga terdapat satu jenis lagi Rumah Kutai iaitu Rumah Kutai Tiang 16. Rumah ini menggunakan 16 tiang utama iaitu lapan tiang panjang dan lapan tiang serambi sama naik pada struktur bangunannya. Keluasan tapak pada ibu rumahnya adalah berbentuk empat segi sama dengan tiang-tiangnya dalam kedudukan empat baris memanjang dan empat baris melebar.

Menurut Kamarul Syahril Kamal (2007) pada masa dahulu, tukang-tukang rumah akan menanamkan kaki tiang kira-kira satu meter ke dalam tanah untuk menegakkan tiang. Selain itu, bagi memastikan tiang kuat dan tahan lebih lama, tiangnya akan dibuat lebih besar. Pada asalnya, Rumah Kutai menggunakan tiga bentuk tiang iaitu tiang persegi lapan, tiang bersegi empat dan tiang bulat. Pada Rumah Kutai terdapat juga tiang yang dikenali sebagai tiang seri atau tiang tua iaitu terletak pada kumpulan tiang-tiang utama di rumah ibu. Tiangnya disusun dalam kedudukan empat baris memanjang dan empat baris melebar.

Bagi mengelakkan serangan serangga perosak seperti anai-anai untuk naik ke tiang kayu, maka pelapik tiang yang diperbuat daripada batu digunakan supaya tiang tersebut dapat diletakkan di atasnya. Pada setiap penjuru rumah akan berlaku penyambungan antara tiang, rasuk dan gelegar. Jarak gelegar lantai antara satu sama lain disusun lebih kurang $1\frac{1}{2}$. Tiang rumah akan dibina tinggi dari paras tanah yang bertujuan untuk mengelakkan daripada bau busuk di bawah ruang dapur ramuh akibat terdapat perlimbahan air di kawasan tersebut. Selain itu, menurut Mastika (2021) pula menjelaskan bahawa tiang dibina tinggi adalah bertujuan bagi melindungi ahli keluarga daripada limpahan air banjir daripada Sungai Perak dan memberi perlindungan daripada serangan binatang buas pada waktu malam.

4.5.2 Bumbung




Rajah 4.15: Atap rumbia

Sumber: Google (<https://sites.google.com>, dilayari pada 25 Disember 2022)




Rajah 4.16: Bumbung panjang

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022




Rajah 4.17: Penyambungan alang panjang, alang pendek dan tunjuk langit
 Sumber: Google (<https://www.semanticscholar.org>, dilayari pada 23 Disember 2022)



Rajah 4.18: Penyambungan tulang perabung, kasau lintang dan kasau jantan
 Sumber: Google (<https://www.semanticscholar.org>, dilayari pada 23 Disember 2022)

UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN



Rajah 4.19: Kerangka bumbung rumah

Sumber: Google (<https://www.semanticscholar.org>, dilayari pada 28 Disember 2022)

Menurut Kamarul Syahril Kamal (2007) menerangkan bahawa pada asalnya atap nipah dan rumbia digunakan untuk membuat bumbung pada Rumah Kutai. Sudut bumbung pada Rumah Kutai adalah antara 50 hingga 60 darjah, sudut ini terhasil daripada bentuk bumbungnya. Rumah Kutai mempunyai persamaan dengan rumah-rumah Melayu tradisional di negeri lain antaranya Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang iaitu dari segi bentuk bumbungnya yang menggunakan jenis bumbung panjang. Akibat daripada pengaruh iklim dan topografi yang terdapat pada kawasan terdapatnya Rumah Kutai.

Oleh itu, bentuk bumbungnya dibuat agak curam dan tinggi dengan menggunakan bahan-bahan semula jadi seperti rumbia bagi mengelakkan kebocoran dan air tidak meresap pada daun yang digunakan ketika berlakunya hujan. Selain itu, bumbung dibuat sedemikian supaya air hujan yang berada di atas atap dapat mencurah ke bawah dengan cepat. Seterusnya, Rumah Kutai mempunyai pengaliran udara yang baik. Udara dari luar akan masuk ke ruang dalam rumah melalui bumbung yang dibina sebegitu. Oleh itu, walaupun cuaca dalam keadaan panas terik, namun dapat memberikan keselesaan kepada penghuninya. Selain daripada itu, pada muka

tebar layarnya terdapat satu jaringan. Jaringan tersebut berfungsi sebagai saluran penukaran udara supaya dapat keluar dan masuk dengan bebas.

Terdapat empat batang tunjuk langit diletakkan secara berpasangan pada struktur bumbung Rumah Kutai, setiap kaki tunjuk langit terletak pula di atas alang pendek dan alang panjang. Sambungan tindih kasih digunakan pada kebanyakan kayu alang panjang. Tulang perabung atau dikenali juga sebagai tulang bumbung yang terletak pada puncak tunjuk langit disusun secara memanjang dan selari dengan alang panjang. Bagi Rumah Kutai kebiasaannya mempunyai dua tulang perabung iaitu tulang perabung betina pada bahagian bawah dan tulang perabung jantan pada bahagian atas. Peranan yang amat penting dimainkan oleh kedua-dua tulang perabung supaya kedua-dua belah tutup bumbung menjadi kuat.

Oleh itu, jenis kayu yang sesuai digunakan untuk membuat tulang perabung adalah cengal dan damar laut kerana struktur kayunya lebih kuat, tidak mudah patah dan reput. Kayu rangka yang lain seperti kasau betina, kasau jantan dan gulung-gulung mempunyai hubungannya dengan penggunaan dua tulang perabung. Selepas itu, pada bahagian atasnya akan ditutupi dengan atap. Kebanyakan Rumah Kutai menggunakan daun seperti daun nipah, rumbia, bertam dan cucuh untuk dijadikan atap pada zaman dahulu. Bahan-bahan bagi kemas bumbung pula kebiasaannya menggunakan bahan yang mudah untuk dilentur. Oleh sebab itu, kayu-kayu yang digunakan oleh tukang rumah untuk membina bumbung seperti gulung-gulung dan kasau betina mempunyai ukuran yang lebih kecil. Manakala, rasuk dan alang menggunakan kayu yang lebih besar kerana bagi sesebuah rumah ia menjadi asas utama kekuatan pada struktur bangunan (A.H.Nasir, 1988).

4.6 Elemen Bangunan

Rumah Kutai mempunyai beberapa elemen bangunan seperti dinding, tangga, loteng, pintu dan sebagainya. Oleh itu pengkaji akan menerangkan dengan lebih mendalam elemen-elemen yang terdapat pada Rumah Kutai berpandukan kepada rajah dan penerangan seperti di bawah.

4.6.1 Dinding



Rajah 4.20: Dinding tepas

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022


Menurut Kamarul Syahril Kamal (2007) menerangkan bahawa dinding kulit kayu dan dinding tepas kebiasaannya digunakan dalam pembinaan dinding Rumah Kutai pada masa dahulu. Dinding tepas digunakan kerana tiada bahan lain yang lebih baik dan kukuh untuk dijadikan sebagai dinding pada ketika itu. Oleh itu, di Negeri Perak sangat popular dalam penggunaan dinding tepas. Bahan seperti buluh atau bambu digunakan untuk membuat dinding tepas atau pelupuh. Menurut Jamilah (2016) menegaskan bahawa kebanyakan dinding Rumah Kutai diperbuat daripada kulit kayu tepas. Namun, dinding ini tidak mudah dikopak, sangat kuat dan sukar untuk dirosakkan oleh musuh dan pencuri lain yang berniat jahat. Melihat kepada keadaan iklim yang terdapat di negara kita telah menimbulkan idea kepada masyarakat dahulu untuk menggunakan dinding tepas kerana dapat memberikan pengaliran udara yang baik melalui anyaman tepas. Oleh itu, meskipun keadaan cuaca yang begitu panas, namun tetap akan terasa sejuk dan nyaman ketika penghuninya berada di dalam rumah.

4.6.2 Tangga




Rajah 4.21: Tangga Larian Terus

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022



Rajah 4.22: Kaedah tanggam lubang dan puting

Sumber: Google (<https://www.researchgate.net>, dilayari pada 14 Disember 2022)



Rajah 4.23: Komponen tangga dan sambungan menggunakan tanggam lubang dan puting

Sumber: Google (<https://www.researchgate.net>, dilayari pada 25 Disember 2022)

Tangga merupakan bahagian yang menyambungkan lantai rumah ke tanah. Pada Rumah Kutai, tangga menjadi salah satu elemen yang sangat penting. Tangga terbahagi kepada 2 jenis iaitu tangga belok dan larian terus. Namun, bagi rumah tradisional Melayu terutamanya Rumah Kutai menggunakan jenis tangga larian terus. Kayu digunakan sebagai bahan untuk membina tangga serta menampilkan keunikan yang tersendiri melalui kaedah binaannya. Tangga dibina dengan menggunakan kaedah tanggam. Butiran-butiran yang terdapat pada elemen binaan tangga adalah seperti tiang, anak tangga, susur tangga, rasuk dan gelegar.

Menurut Dr. Haji Muhammad Pauzi menerangkan bahawa Rumah Kutai ini terdapat ciri khas yang dapat menangkis serangan musuh seperti tangga yang dibina agak tinggi dengan kecuraman 75 hingga 90 darjah yang berfungsi bagi menyukarkan musuh untuk memanjat dan mengelakkan musuh yang ingin menceroboh ke dalam rumah masuk secara tergesa-gesa. Secara logiknya, setiap orang yang ingin memasuki ke dalam rumah perlu menaiki anak tangga dengan penuh berhati-hati dan perlahan. Jika menaiki tangga ini, seseorang boleh tersandung atau jatuh sekiranya tersalah langkah semasa mendaki anak tangga. Oleh itu, sebagai langkah keselamatan tangga dibina dalam keadaan mencuram.

Menurut Kamarul Syahril Kamal (2007) pula menerangkan bahawa pada zaman dahulu Rumah Kutai mempunyai tiga buah tangga yang terdapat di bahagian hadapan dan di bahagian belakang rumah. Tangga pada zaman dahulu adalah tangga berbentuk bulat serta hanya terdapat anak tangga yang akan dilekatkan pada satu tiang sahaja. Malah, tangga Rumah Kutai pada zaman dahulu tidak mempunyai pemegang pada bahagian sisi kanan dan kiri tangga. Tangga tersebut mempunyai reka bentuk yang begitu ringkas dan diperbuat daripada bahan semula jadi seperti kayu. Tangga tidak dipaku pada struktur, sambungan untuk memasang anak tangga dan paha tangga menggunakan kaedah tanggam lubang dan puting.

4.6.3 Loteng



Rajah 4.24: Loteng

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022

Loteng pada Rumah Kutai berfungsi sebagai tempat perlindungan daripada musuh. Ia merupakan tempat perlindungan bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Loteng akan dibina tinggi bertujuan supaya menyukarkan musuh untuk memanjat ke tempat tersebut serta tidak mempunyai sebarang tangga. Tangga yang dibuat hanya untuk naik ke bahagian loteng, manakala apabila telah naik tangga tersebut akan dibawa sekali keatas. Pada zaman dahulu, terdapat lanun yang menyusuri Sungai Perak, maka tidak dinafikan lagi bahawa rumah-rumah kutai yang terletak di tebing sungai akan mempunyai sistem pertahanan yang ampuh dan kukuh bagi mengelakkan lanun merompak rumah.

Menurut Prof Dr Abdul Ghafar Ahmad (2016) menyatakan bahawa loteng yang dibina di bumbung rumah juga berfungsi sebagai bilik sementara yang akan didiami oleh anak dara sewaktu rumah itu dikunjungi tetamu atau tempat beribadat ketua keluarga. Selain itu, loteng juga akan dijadikan sebagai tempat meletak barang-barang yang tidak selalu digunakan seperti tikar dan sebagainya kerana ruang ini mempunyai lantai dan beratap.

Selain itu, menurut Kamarul Syahril Kamal (2007) menegaskan lagi bahawa bahagian hadapan pada rumah ibu di sebelah dalam kebiasaannya akan diletakkan loteng. Loteng akan ditempatkan di kaki tebar layar pada kedua sudut tepinya. Pada zaman dahulu, alatan rumah yang tidak selalu digunakan seperti periuk, dulang tembaga dan sebagainya akan disimpan di loteng. Bilik yang bersekat atau berdinging tidak dibuat pada Rumah Kutai. Oleh itu, loteng digunakan sebagai tempat tidur bagi anak gadis yang terdapat di dalam rumah tersebut. Bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini, rumah dibina dengan tidak mempunyai bilik. Lantai pada loteng kebiasaannya akan menggunakan anyaman daun tepas manakala strukturnya diperbuat daripada gelegar kayu.

4.6.4 Pintu



Rajah 4.25: Pintu

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022


Menurut Marhalim Zaini (2016), pintu merupakan bahagian yang dapat dibuka dan ditutup. Pintu dibina bertujuan untuk menjadi laluan kepada penghuni rumah untuk keluar dan masuk. Terdapat tiga buah pintu pada Rumah Kutai iaitu pintu hadapan, pintu selang dan pintu belakang. Selain itu, pada rumah ini juga terdapat pintu-pintu yang memisahkan antara ruang pada rumah ibu, selang dan dapur serta pintu bilik yang berada di bahagian dalam rumah selain daripada pintu-pintu yang dapat dilihat dari luar rumah.

Menurut Atikah (2021) menjelaskan bahawa Rumah Kutai kebiasaannya mempunyai tiga pintu masuk iaitu satu dibahagian hadapan dan dua dibahagian belakang. Pada bahagian hadapan adalah pintu bagi lelaki, manakala pada bahagian belakang adalah pintu bagi perempuan. Pintu dibina dalam keadaan yang rendah bertujuan supaya para tetamu yang ingin masuk ke dalam rumah akan menundukkan sedikit kepala untuk menghormati tuan rumah. Jelas disini bahawa reka bentuk rumah


tradisional Melayu mempunyai keunikannya yang tersendiri. Nenek moyang pada zaman dahulu telah mengukir ukiran-ukiran yang menarik pada pintu bagi menambahkan keseriannya.

Menurut Kamarul Syahril Kamal (2007) menerangkan bahawa pintu Rumah Kutai pada asalnya hanya disorong ke tepi untuk dibuka dan ditutup serta mempunyai satu daun pintu sahaja yang disebut sebagai pintu gelangsar. Pintu dibuat mempunyai bingkai dan menggunakan bahan semula jadi seperti batang tepas supaya memudahkan penghuni rumah untuk membuka dan menutup pintu. Penggunaan rel dan perparitan terletak pada kaki daun pintu iaitu pada paras bendul dan lantai. Bagi menyukarkan pintu untuk dibuka apabila sudah ditutup dari bahagian dalam, pintu akan dipasangkan dengan selak pada bahagian atas.

Bagi menyukarkan pintu untuk dibuka oleh musuh yang berniat jahat untuk mencero boh ke dalam rumah, sistem pintu gelangsar ini amat sesuai untuk digunakan kerana ia sangat kukuh. Kepala perlu ditundukkan sedikit apabila hendak memasuki ke dalam rumah supaya kepala tidak terlanggar jenang pintu kerana pintu Rumah Kutai dibina dalam keadaan yang agak rendah dan sempit. Bendul pintu pada rumah ini dianggap sangat unik kerana pada bahagian hujung kayu bendul terdapat ukiran tangan yang sangat cantik serta dapat menaikkan lagi seri pada rumah tersebut.



4.6.5 Tingkap



Rajah 4.26: Jenis-jenis tingkap pada Rumah Kutai

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022

Pada muka tingkap terdapat ukiran yang indah serta unik dari segi fungsi, seni bina dan jenis bagi setiap tingkap yang ada di Rumah Kutai. Tingkap mempunyai pelbagai fungsi iaitu untuk peredaran angin, pencahayaan dan pemandangan. Oleh itu, terdapat tiga jenis tingkap pada Rumah Kutai antaranya tingkap utama, tingkap singkat dan tingkap jenguk. Bagi tingkap utama mempunyai saiz yang lebih besar daripada tingkap-tingkap yang lain iaitu berada sangat hampir dengan dinding tebar layar dan terletak paling tinggi. Tingkap dihiasi dengan ukiran kerawang serta terdapat dua daun tingkap bagi setiap tingkap utama ini. Tingkap kedua adalah tingkap singkat yang juga mempunyai dua daun tingkap. Pada semua bahagian sisi dinding akan terdapat tingkap singkat. Tingkap yang ketiga adalah tingkap jenguk yang hanya mempunyai satu daun tingkap. Tingkap ini berada pada bahagian bawah tingkap singkat. Kebiasaannya bagi menutup dan membuka tingkap ini akan dipasangkan dengan engsel dan selak. Saiz tingkap pada Rumah Kutai sangat berbeza dengan

saiz tingkap pada rumah Melayu tradisional yang lain kerana saiznya yang begitu kecil. Namun, hanya terdapat satu tingkap sahaja yang mempunyai saiz yang besar iaitu tingkap utama yang berada pada bahagian atas tingkap singkat.

4.6.6 Lantai



Rajah 4.27: Lantai jeria


Sumber: Google (<https://docplayer.info>, dilayari pada 25 Disember 2022)

Lantai pada Rumah Kutai biasanya terletak pada ketinggian kira-kira dua meter iaitu lebih tinggi dari paras tanah. Pada asalnya, lantai jeria digunakan oleh kesemua Rumah Kutai pada masa dahulu. Penggunaan bahan untuk membuat lantai jeria adalah daripada susunan bilah-bilah buluh atau batang pinang. Bagi setiap buluh dianggarkan mempunyai kelebaran sekitar 5cm hingga 6cm. Bilah-bilah disusun dengan jarang dalam keadaan melintang di atas gelegar dan rasuk, kemudian bilah-bilah daripada buluh tersebut akan diikat kemas dengan menggunakan rotan atau akar pokok. Bahan semula jadi seperti pandan dan mengkuang digunakan untuk membuat tikar yang akan menutupi permukaan lantai pada Rumah Kutai kerana lantai jeria adalah jarang sehingga dapat dilihat secara terus ke permukaan tanah.

Lantai dibina tinggi kerana pada zaman dahulu, banjir sering berlaku apabila tiba musim tengkujuh. Bencana banjir yang berlaku menyebabkan Rumah Kutai yang terdapat di tebing Sungai Perak akan turut terjejas. Oleh itu, lantai akan dibina tinggi supaya sesuai dengan iklim dan topografi yang terdapat pada kawasan tersebut. Bagi membolehkan penghuninya terselamat daripada bencana banjir, kebiasaannya lantai pada Rumah Kutai akan dibina pada aras yang lebih tinggi. Selain bertujuan untuk mengelakkan daripada banjir, lantai yang tinggi adalah bagi mengelakkan daripada terhidu bau busuk yang terdapat di bawah ruang dapur rumah berpunca daripada air perlimbahan serta untuk mengintai musuh yang berada di luar rumah. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu adalah sangat bijak kerana dapat memikirkan satu idea dalam pembinaan lantai pada Rumah Kutai. Bagi memberi keselesaan kepada penghuni di dalam rumah, bahan semula jadi seperti pandan dan mengkuang digunakan untuk membuat tikar yang dapat menutup permukaan lantai kerana jika tidak ditutup lantai dapat dilihat secara terus ke permukaan tanah (A.H.Nasir, 1988).

4.6.7 Ragam Hias (Lebah Bergantung)





Rajah 4.28: Lebah bergantung

Sumber: Kajian Lapangan, Disember 2022

Menurut Halim (1987), Norhasandi (2012) dan Jahn (2017) mengatakan bahwa lebah bergantung ialah hiasan pada kaki tebar layar di rumah ibu. Lebah bergantung akan dipasang secara berpasangan iaitu pada sebelah kiri dan kanan di bahagian bawah tebar layar. Ia berbentuk bulat, saiznya sebesar labu air dan kelihatan sangat mirip dengan sarang lebah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.7 Perubahan Reka Bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak

Semasa pengkaji menjalankan kajian lapangan didapati masih terdapat lagi Rumah Kutai, namun kebanyakan daripadanya telah mengalami perubahan dari segi reka bentuk. Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan menjelaskan dengan lebih mendalam terhadap perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak seperti di dalam jadual di bawah.

4.7.1 Ruang

4.7.1.1 Rumah Ibu

Jadual 4.1: Perubahan pada Rumah Ibu

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	<p>Keadaan asal</p>	<p>Menurut Puan Hajjah Habsah iaitu waris kepada rumah ini mengatakan bahawa pada rumah ibu terdapat sebuah bilik. Rumah ibu masih dalam keadaan yang asal dan tiada sebarang perubahan atau penambahan yang dilakukan ke atas ruang ini.</p>
RK2		<p>Hasil dari pemerhatian yang dijalankan ke atas rumah ini didapati pada rumah ibu terdapat sedikit penambahan iaitu penambahan sebuah lagi</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p>Keadaan asal</p> <p>Pertambahan ruang</p> <p>Pertambahan bahagian bawah (konkrit)</p>	<p>bilik menyebabkan terdapat dua buah bilik. Selain itu, pada rumah ibu juga terdapat penambahan ruang stor di bahagian bawah rumah (kolong) menggunakan batu-bata.</p>
<p>RK3</p>		<p>Pada asalnya rumah ibu mempunyai satu bilik. Namun bilik tersebut telah dirobuhkan menyebabkan rumah ibu menjadi luas tanpa sebarang sekatan. Tidak terdapat sebarang penambahan yang</p>



KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p>Keadaan asal Kehilangan ruang</p>	<p>dilakukan ke atas rumah ibu. Ia masih mengekalkan bentuk asalnya.</p>
<p>RK4</p>	  <p>Keadaan asal Kehilangan ruang</p>	<p>Menurut Mohd Ariff yang merupakan waris rumah ini mengatakan bahawa pada zaman dahulu rumah ini juga mempunyai satu bilik pada rumah ibu. Namun bilik tersebut telah roboh dengan sendirinya akibat mengalami pereputan.</p>
<p>RK5</p>		<p>Hasil dari pemerhatian yang dijalankan ke atas rumah ini didapati pada rumah ibu terdapat sedikit penambahan iaitu penambahan sebuah lagi bilik menyebabkan terdapat dua buah bilik pada ruang ini.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	<p> Keadaan asal Pertambahan ruang </p>	

4.7.1.2 Selang

Jadual 4.2: Perubahan pada Selang

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	<p> Keadaan asal </p>	<p>Pada rumah ini masih terdapat ruang selang. Kedudukan ruang ini masih dalam kedudukan yang asal. Terdapat sebuah tangga yang terletak pada ruang ini dan tidak berlaku sebarang penambahan pada ruang ini.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
<p>RK2</p>	  <p> Keadaan asal Pertambahan ruang Kehilangan ruang Pertambahan bahagian bawah (konkrit) </p>	<p>Pada rumah ini tidak terdapat selang. Ruang selang telah dirobuhkan. Maka, rumah ibu terus disambungkan dengan rumah dapur.</p>
<p>RK3</p>	  <p> Keadaan asal Kehilangan ruang </p>	<p>Pada rumah ini masih terdapat selang. Selang masih dalam kedudukan yang asal. Tiada sebarang penambahan yang dilakukan ke atas selang. Pada asalnya, selang pada rumah ini mempunyai sebuah tangga. Namun, tangga tersebut telah dirobuhkan.</p>


KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
<p>RK4</p>	  <p>Keadaan asal</p> <p>Kehilangan ruang</p>	<p>Menurut Mohd Ariff yang merupakan waris rumah ini mengatakan bahawa pada zaman dahulu rumah ini juga mempunyai selang. Namun ruang selang telah roboh akibat mengalami pereputan.</p>
<p>RK5</p>		<p>Pada rumah ini masih terdapat selang. Kedudukan selang masih dalam keadaan yang asal. Pada ruang ini tidak terdapat sebarang perubahan atau pertambahan yang dilakukan.</p>


KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	<p>Keadaan asal</p> <p>Pertambahan ruang</p>	

4.7.1.3 Rumah Dapur

Jadual 4.3: Perubahan pada Rumah Dapur

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	<p>Keadaan asal</p>	Rumah dapur masih dalam kedudukan yang sama. Tidak berlaku sebarang penambahan pada ruang ini.
RK2		Pada rumah dapur terdapat penambahan ruang iaitu rumah dapur telah dibesarkan dan diturunkan ke bahagian bawah. Rumah dapur dibina bersama

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="491 929 877 1232"> Keadaan asal Pertambahan ruang Kehilangan ruang Pertambahan bahagian bawah(konkrit) </p>	<p data-bbox="957 264 1388 369">bilik air. Ruang ini dibina dengan menggunakan batu-bata.</p>
<p data-bbox="391 1267 454 1299">RK3</p>		<p data-bbox="957 1267 1388 1646">Rumah dapur masih dalam kedudukan yang asal. Pada rumah dapur terdapat sedikit penambahan pada bahagian bawah dapur dengan menggunakan batu-bata.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="491 1137 863 1379"> Keadaan asal Kehilangan ruang Pertambahan bahagian bawah(konkrit) </p>	
<p data-bbox="395 1417 459 1447">RK4</p>		<p data-bbox="959 1417 1390 1850">Menurut Mohd Ariff yang merupakan waris rumah ini mengatakan bahawa pada zaman dahulu rumah ini mempunyai rumah dapur. Namun rumah dapur telah roboh akibat mengalami pereputan.</p>




KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	  <p data-bbox="491 891 740 922">Keadaan asal</p> <p data-bbox="491 958 791 990">Kehilangan ruang</p>	
<p data-bbox="395 1025 459 1057">RK5</p>	  <p data-bbox="491 1796 740 1827">Keadaan asal</p> <p data-bbox="491 1863 826 1895">Pertambahan ruang</p>	<p data-bbox="959 1025 1390 1258">Pada rumah dapur terdapat banyak penambahan yang dilakukan. Rumah dapur telah dibesarkan dengan lebih luas.</p>

4.7.1.4 Pelantar

Jadual 4.4: Perubahan pada Pelantar

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	 <p>Keadaan asal Kehilangan ruang</p>	<p>Pelantar bagi rumah ini didapati telah tiada. Pada asalnya rumah ini mempunyai pelantar, namun telah dirobuhkan.</p>
RK2	 <p>Bilik air Stor</p> <p>Keadaan asal Kehilangan ruang</p>	<p>Ruang pelantar pada rumah ini telah tiada akibat perubahan dan pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah dapur menyebabkan pelantar terpaksa dirobuhkan.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	<p>  Keadaan asal  Pertambahan ruang  Kehilangan ruang  Pertambahan bahagian bawah(konkrit) </p>	
<p>RK3</p>	<p>  </p> <p>  </p> <p>  Keadaan asal  Pertambahan bahagian bawah(konkrit)  Kehilangan ruang </p>	<p>Pelantar bagi rumah ini juga didapati telah tiada. Pada asalnya rumah ini mempunyai pelantar, namun telah dirobuhkan.</p>
<p>RK4</p>	<p>  </p>	<p>Pada asalnya rumah ini mempunyai pelantar. Namun, apabila rumah ini ditinggalkan dan dibiarkan tanpa penjagaan yang sewajarnya. Oleh itu, pelantar telah roboh dengan</p>



KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="491 501 740 539">- - - Keadaan asal</p> <p data-bbox="491 568 791 607">- - - Kehilangan ruang</p>	<p data-bbox="963 266 1390 367">sendirinya akibat mengalami pereputan.</p>
<p data-bbox="395 640 459 674">RK5</p>	  <p data-bbox="491 1346 740 1384">- - - Keadaan asal</p> <p data-bbox="491 1413 820 1451">- - - Pertambahan ruang</p> <p data-bbox="491 1480 791 1518">- - - Kehilangan ruang</p>	<p data-bbox="963 640 1390 1010">Ruang pelantar pada rumah ini telah tiada akibat perubahan dan pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah dapur menyebabkan pelantar terpaksa dirobohkan.</p>


4.7.2 Tiang


Jadual 4.5: Perubahan pada Tiang

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	 <p>Keadaan asal</p> <p>Kehilangan ruang</p> <p>Tiang kayu asal</p>	<p>Pada rumah ibu mempunyai 16 batang tiang kayu. Tiang pada rumah ini berbentuk segi empat. Manakala pada rumah dapur terdapat sebanyak 8 batang tiang. Tiada sebarang penambahan tiang pada rumah ibu dan rumah dapur. Tiang pada rumah ini masih dalam kedudukan yang asal.</p>
RK2		<p>Tiang pada rumah ibu masih menggunakan tiang asal yang diperbuat daripada kayu. Tiang kayu tersebut berbentuk segi</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	   <p data-bbox="491 1283 906 1727"> Keadaan asal Pertambahan ruang Kehilangan ruang Pertambahan bahagian bawah(konkrit) Tiang kayu asal Pertambahan tiang konkrit </p>	<p data-bbox="963 264 1393 835"> empat dan mempunyai 16 batang tiang. Tidak terdapat sebarang penambahan tiang pada rumah ibu. Namun, tiang asal pada rumah dapur telah dirobohkan dan digantikan dengan tiang konkrit. Penggantian sebanyak 6 batang tiang konkrit pada rumah dapur. </p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
<p>RK3</p>	  <p> Keadaan asal Pertambahan bahagian bawah(konkrit) Kehilangan ruang Tiang kayu asal </p>	<p>Rumah ini juga mempunyai 16 batang tiang kayu pada rumah ibu dan 8 batang tiang pada rumah dapur. Kedudukan tiang dalam keadaan yang asal. Tiada sebarang penambahan tiang pada rumah ini.</p>
<p>RK4</p>		<p>Tiang pada rumah ini berbentuk segi empat. Pada rumah ibu terdapat 16 batang tiang yang masih dalam kedudukan yang</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="491 1218 791 1397"> Keadaan asal Kehilangan ruang Tiang kayu asal </p>	<p data-bbox="963 264 1390 972"> asal. Tiada sebarang penambahan atau pengubahsuaian tiang pada rumah ibu. Namun telah kehilangan 8 batang tiang pada rumah dapur. Tiang-tiang pada rumah ini tidak ditanam ke dalam tanah dan diletakkan di atas tapak konkrit. Tiang juga diikat tanpa menggunakan simen atau paku. </p>
<p data-bbox="395 1429 459 1460">RK5</p>		<p data-bbox="963 1429 1390 1868"> Pada rumah ibu mempunyai 16 batang tiang. Tiang pada rumah ibu masih dalam keadaan yang asal tanpa sebarang penambahan. Namun, berlaku penambahan tiang yang banyak pada bahagian rumah dapur. </p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p>The figure consists of two photographs and a floor plan diagram. The top photograph shows the exterior of a traditional wooden house on stilts, featuring a corrugated metal roof and wooden walls. The bottom photograph shows the interior structure, highlighting the wooden pillars and the elevated floor. Below the photographs is a floor plan diagram. The legend for the diagram is as follows:</p> <ul style="list-style-type: none"> Keadaan asal (Original condition): Represented by a green dashed line. Pertambahan ruang (Room addition): Represented by a red dashed line. Kehilangan ruang (Room loss): Represented by a yellow dashed line. Tiang kayu asal (Original wooden pillar): Represented by a purple square. Pertambahan tiang kayu (Wooden pillar addition): Represented by a white square. 	<p>Pada asalnya rumah dapur hanya mempunyai 8 batang tiang sahaja. Kini, tiang pada rumah dapur adalah sebanyak 24 batang tiang. Walaupun berlaku banyak penambahan tiang, namun rumah ini tidak menggunakan tiang konkrit sebaliknya kesemua tiang yang digunakan adalah tiang kayu. Kesemua tiang kayu yang digunakan adalah berbentuk segi empat.</p>

4.7.3 Bumbung

Jadual 4.6: Perubahan pada Bumbung

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1		<p>Bumbung rumah ini telah digantikan dengan zink. Pada asalnya bumbung rumah ini menggunakan atap rumbia.</p>
RK2		<p>Pada asalnya rumah ini memang menggunakan atap zink. Zink yang telah bocor hanya akan digantikan sahaja dengan zink yang baharu. Bumbung masih dalam bentuk yang sama iaitu bumbung panjang.</p>
RK3		<p>Bumbung rumah ini asalnya menggunakan atap rumbia tetapi telah mengalami pereputan. Oleh itu, atap digantikan dengan zink yang lebih tahan lama.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK4		Pada asalnya bumbung pada rumah ini juga menggunakan daun sagu. Namun, atap tersebut telah digantikan dengan atap zink.
RK5		Atap rumbia telah digantikan dengan zink. Namun, bentuk bumbung pada rumah ini masih sama iaitu bumbung panjang.

4.7.4 Dinding

Jadual 4.7: Perubahan pada Dinding

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1		Keseluruhan dinding pada rumah ini menggunakan dinding yang asal iaitu menggunakan papan kayu. Susunan papan kayu adalah menggunakan susunan dinding kasih.
RK2		Keseluruhan dinding pada rumah ini asalnya menggunakan papan kayu. Pada rumah ibu masih menggunakan dinding

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
		<p>yang asal iaitu menggunakan papan kayu. Susunan bagi papan kayu pada rumah ibu adalah menggunakan susunan dinding kasih. Namun, terdapat perubahan pada rumah dapur kerana telah digantikan dengan dinding simen disebabkan oleh pengubahsuaian yang dilakukan pada rumah dapur.</p>
<p>RK3</p>		<p>Pada asalnya kesemua dinding pada rumah ini menggunakan dinding anyaman buluh. Namun kini pada rumah ibu sahaja yang masih menggunakan dinding yang asal. Dinding pada rumah ibu menggunakan tiga jenis anyaman iaitu anyaman kelarai pada bahagian tebar layar, dinding pelupuh pada bahagian loteng dan dinding tepas pada</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p>Woven Wall / Dinding Tepas</p>   <p>Horizontal Planes / Dinding Susun Sireh</p>	<p>bahagian dinding. Dinding pada ruang selang dan rumah dapur pula telah digantikan dengan papan kayu. Susunan papan kayu adalah menggunakan susunan dinding susun sirih.</p>
<p>RK4</p>	   <p>Woven Wall / Dinding Tepas</p>	<p>Keseluruhan rumah ini menggunakan dinding tepas. Tiada sebarang perubahan yang dilakukan pada dinding rumah ini.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
<p>RK5</p>		<p>Pada zaman dahulu, dinding pada rumah ini menggunakan dinding tepas. Kini, keseluruhan dinding telah mengalami perubahan iaitu digantikan dengan papan kayu. Pada rumah ibu susunan papan kayu menggunakan susunan dinding kasih. Manakala, pada ruang selang dan rumah dapur menggunakan susunan dinding susun sirih.</p>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


4.7.5 Tangga



Jadual 4.8: Perubahan pada Tangga

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	<div data-bbox="539 510 890 887" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="571 922 858 954" style="text-align: center;">TANGGA HADAPAN</p> <div data-bbox="539 990 890 1411" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="587 1447 842 1478" style="text-align: center;">TANGGA SELANG</p> <div data-bbox="497 1527 922 1711" data-label="Diagram"> </div>	<p data-bbox="967 443 1391 1415"> Pada rumah ini mempunyai dua buah tangga sahaja yang masih wujud iaitu pada bahagian rumah ibu dan selang. Tangga pada selang telah dirobuhkan. Tangga pada rumah ini telah diubahsuai. Pada asalnya, tangga dibina berbentuk bulat. Namun, tangga baru masih mengekalkan ciri-ciri asal iaitu dibina dengan tidak menggunakan sebarang paku. Tangga juga tidak ditambah dengan pemegang pada sisi kanan dan kiri. </p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	<p>  Keadaan asal  Kehilangan ruang  Tiang kayu asal </p>	
<p>RK2</p>	<div style="text-align: center;">  <p>TANGGA HADAPAN</p>  </div> <p>  Keadaan asal  Pertambahan ruang  Kehilangan ruang  Pertambahan bahagian bawah(konkrit)  Tiang kayu asal  Pertambahan tiang konkrit </p>	<p>Terdapat tiga buah tangga di rumah ini pada asalnya. Namun, kini hanya terdapat sebuah tangga sahaja iaitu pada rumah ibu. Tangga pada selang dan pelantar telah dirobohkan. Tangga masih menggunakan tangga asal. Namun berlaku sedikit penambahan iaitu ditambahkan dengan pemegang pada kanan dan kiri.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
<p>RK3</p>	 <p style="text-align: center;">TANGGA HADAPAN</p>  <p>Keadaan asal Pertambahan bahagian bawah(konkrit) Kehilangan ruang Tiang kayu asal</p>	<p>Tangga yang masih wujud pada rumah ini hanya terdapat di bahagian rumah ibu sahaja. Pada asalnya terdapat tiga buah tangga, namun tangga pada selang dan pelantar telah dirobohkan. Tangga rumah ibu mengalami pengubahsuaian iaitu pada asalnya tangga menggunakan kayu berbentuk bulat dan tiada pemegang pada bahagian kiri dan kanan. Namun, kini tangga telah digantikan dengan papan kayu dan mempunyai pemegang pada sisi kanan dan kiri. Tangga juga dibina dengan menggunakan paku,</p>
<p>RK4</p>		<p>Tangga pada rumah ini masih menggunakan tangga yang asal. Tangga dibina dalam keadaan mencuram dan tinggi. Tiga buah tangga terdapat di rumah ini pada asalnya, namun</p>




KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p style="text-align: center;">TANGGA HADAPAN</p>  <p>Keadaan asal Kehilangan ruang Tiang kayu asal</p>	<p>kini tangga pada rumah ibu sahaja yang masih ada. Tangga pada selang dan pelantar telah roboh akibat mengalami pereputan. Tangga juga dibina tanpa menggunakan sebarang paku, ia hanya menggunakan kaedah tangga.</p>
<p>RK5</p>	 <p style="text-align: center;">TANGGA HADAPAN</p>	<p>Pada zaman dahulu, rumah ini juga mempunyai tiga buah tangga. Kini, tangga pada rumah ibu dan selang sahaja yang masih wujud. Tangga pada pelantar telah dirobuhkan. Tangga pada rumah ibu dan selang telah mengalami pengubahsuaian iaitu sebahagian tangga diubah</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="582 835 847 869" style="text-align: center;">TANGGA SELANG</p>  <p data-bbox="486 913 922 1512"> Keadaan asal Pertambahan ruang Kehilangan ruang Tiang kayu asal Pertambahan tiang kayu </p>	<p data-bbox="965 264 1388 772"> kepada tangga batu. Selain itu, kedua-dua tangga ditambah dengan pemegang di sisi kanan dan kiri. Tangga juga dibina dengan menggunakan paku. Pada asalnya, tangga dibina tidak mempunyai sebarang pemegang dan paku. </p>

UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN

4.7.6 Loteng

Jadual 4.9: Perubahan pada loteng

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1		<p>Pada rumah ini masih terdapat loteng yang dijadikan sebagai tempat meletak peralatan yang tidak selalu digunakan. Dinding dan lantai loteng dibina menggunakan papan kayu.</p>
RK2		<p>Masih terdapat loteng pada rumah ini. Loteng masih dijadikan sebagai tempat tidur. Dinding dan lantai loteng dibuat menggunakan papan kayu. Tiada sebarang perubahan yang dilakukan ke atas loteng.</p>
RK3		<p>Loteng telah tiada akibat mengalami pereputan pada bahagian lantai loteng. Lantai loteng yang telah reput juga tidak dibina semula oleh pemilik rumah.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK4		<p>Pada asalnya rumah ini mempunyai loteng, namun lantai loteng yang diperbuat daripada anyaman daun tepas telah mengalami pereputan. Oleh itu, rumah ini kehilangan bahagian loteng dan hanya kerangka kayu yang tidak berlantai sahaja yang masih wujud.</p>
RK5		<p>Loteng masih wujud sebagai tempat bagi menyimpan barang. Pada zaman dahulu, loteng dijadikan tempat tidur bagi anak gadis yang terdapat di dalam rumah ini. Pada asalnya, dinding dan lantai loteng menggunakan anyaman daun tepas. Namun, kini telah digantikan dengan kepingan papan kayu.</p>

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

4.7.7 Pintu

Jadual 4.10: Perubahan pada Pintu

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	 <p style="text-align: center;">PINTU HADAPAN</p> <p style="text-align: center;">PINTU SELANG</p>	<p>Pintu pada rumah ini pada asalnya menggunakan pintu gelangсар yang diperbuat daripada batang tepas. Pintu tersebut hanya mempunyai satu daun pintu sahaja. Namun telah diubah kepada papan kayu. Pintu telah menjadi dua daun pintu dan ditambah dengan ukiran yang terdapat pada gerbang pintu bagi menambahkan keserian pada pintu. Walaupun terdapat pengubahsuaian pada pintu, namun saiz pintu masih mengikut reka bentuk asal Rumah Kutai iaitu dibina dalam keadaan yang rendah dan sempit.</p>


KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK2	 <p data-bbox="592 875 837 909" style="text-align: center;">PINTU HADAPAN</p>	<p>Pintu masih menggunakan pintu yang asal. Namun, pintu yang dibina telah mengalami perubahan dari segi reka bentuk pintu asal kerana pintu dibina dalam keadaan yang agak tinggi.</p>
RK3	 <p data-bbox="592 1559 837 1592" style="text-align: center;">PINTU HADAPAN</p>	<p>Kesemua pintu asalnya menggunakan pintu gelangsar yang diperbuat daripada batang tepas. Pintu gelangsar ini mempunyai satu sahaja daun pintu dan hanya disorong ke tepi. Pintu asal telah reput lalu digantikan dengan papan kayu yang mempunyai dua daun pintu. Namun, saiz pintu masih mengikut reka bentuk asal iaitu dibuat agak rendah dan sempit.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK4	 <p data-bbox="592 925 837 958" style="text-align: center;">PINTU HADAPAN</p>	<p data-bbox="967 264 1393 835">Pada zaman dahulu, rumah ini menggunakan pintu gelangsar. Namun, telah mengalami perubahan iaitu pintu pada rumah ini telah digantikan dengan papan kayu dan mempunyai dua daun pintu. Pintu pula dibina lebih tinggi daripada saiz pintu yang asal.</p>
RK5	 <p data-bbox="592 1675 837 1709" style="text-align: center;">PINTU HADAPAN</p>	<p data-bbox="967 1003 1393 1776">Pada asalnya, pintu pada rumah ini juga menggunakan pintu gelangsar. Namun, akibat perubahan yang dilakukan keatas dinding rumah ini menyebabkan pintu juga mengalami perubahan. Pintu telah digantikan dengan pintu yang menggunakan papan kayu. Pintu juga telah dibina agak tinggi dan luas berbanding reka bentuk yang asal.</p>

4.7.8 Tingkap

Jadual 4.11: Perubahan pada Tingkap

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1	 <p style="text-align: center;">TINGKAP HADAPAN</p>  <p style="text-align: center;">TINGKAP SISI KANAN</p>  <p style="text-align: center;">TINGKAP SISI KIRI</p>	<p>Tingkap pada rumah ini sedikit berbeza dengan Rumah Kutai yang lain kerana rumah ini didiami oleh golongan bangsawan. Rumah ini mempunyai tiga jenis tingkap iaitu tingkap singkat, tingkap jenguk dan tingkap utama. Pada rumah ibu bahagian hadapan hanya terdapat sebuah tingkap jenguk. Pada bahagian sisi kanan terdapat sebuah tingkap jenguk dan sebuah tingkap singkat. Manakala, pada sisi kiri pula terdapat ketiga-tiga jenis tingkap. Manakala, pada ruang selang tidak terdapat sebarang tingkap. Bagi ruang dapur pula terdapat sebuah tingkap jenguk yang mempunyai satu daun tingkap dan sebuah tingkap singkat yang mempunyai dua</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="587 1106 839 1137" style="text-align: center;">TINGKAP DAPUR</p>	<p data-bbox="963 264 1391 568">daun tingkap. Kesemua daun tingkap pada rumah ini bukaannya menghala ke dalam rumah menunjukkan perbezaan berbanding rumah yang lain.</p>
<p data-bbox="395 1178 459 1209">RK2</p>	 <p data-bbox="568 1608 861 1639" style="text-align: center;">TINGKAP HADAPAN</p>	<p data-bbox="963 1178 1391 1886">Pada bahagian hadapan rumah ibu menggunakan tingkap yang asal iaitu terdapat dua buah tingkap. Tingkap pada sisi kanan rumah ibu mempunyai tiga buah tingkap. Pada sisi kiri pula mempunyai dua buah tingkap. Kesemua tingkap pada rumah ibu dibina dengan saiz yang agak kecil, menggunakan kepingan kayu dan mempunyai</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="555 613 871 645">TINGKAP SISI KANAN</p>  <p data-bbox="580 1003 845 1034">TINGKAP SISI KIRI</p>  <p data-bbox="587 1406 839 1438">TINGKAP DAPUR</p>	<p data-bbox="963 264 1388 1034">dua daun tingkap. Manakala, tingkap pada selang tidak dapat diketahui jumlahnya kerana ruang selang telah dirobuhkan. Pada rumah dapur pula telah mengalami pengubahsuaian iaitu tingkap kayu telah digantikan dengan tingkap cermin dan bingkai tingkap menggunakan besi. Terdapat tiga buah tingkap yang dibina pada bahagian rumah dapur.</p>
<p data-bbox="395 1478 459 1509">RK3</p>	 <p data-bbox="564 1863 861 1895">TINGKAP HADAPAN</p>	<p data-bbox="963 1478 1388 1917">Tingkap bahagian hadapan pada rumah ibu mempunyai dua buah tingkap. Pada sisi kanan dan kiri di rumah ibu, selang dan rumah dapur masing-masing mempunyai hanya sebuah tingkap sahaja. Tingkap pada</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="555 618 874 651">TINGKAP SISI KANAN</p>   <p data-bbox="579 1435 850 1469">TINGKAP SISI KIRI</p>	<p data-bbox="963 264 1388 1238">rumah ini telah mengalami pengubahsuaian iaitu pada asalnya tingkap pada rumah ini dibina bersaiz kecil namun telah ditukar kepada saiz yang lebih besar. Walaupun terdapat pengubahsuaian dari segi saiz tingkap, namun tingkap masih dibina menggunakan bahan yang sama dengan tingkap asal iaitu daripada kepingan kayu. Kesemua tingkap pada rumah ini mempunyai dua daun tingkap serta bukaannya menghala ke luar rumah.</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
<p>RK4</p>	 <p style="text-align: center;">TINGKAP HADAPAN</p>  <p style="text-align: center;">TINGKAP SISI KIRI</p>	<p>Rumah ini mempunyai dua buah tingkap pada bahagian hadapan rumah ibu. Pada sisi kanan dan kiri bahagian rumah ibu masing-masing mempunyai tiga buah tingkap. Namun, pada selang dan rumah dapur pengkaji tidak dapat mengenal pasti jumlah tingkap yang ada kerana ruang tersebut telah roboh. Kesemua tingkap yang ada pada rumah ini masih menggunakan tingkap asal. Tingkap pada rumah ini diperbuat daripada kepingan kayu, mempunyai dua daun tingkap serta bukaan tingkap menghala ke luar rumah. Tingkap juga mempunyai jeriji bagi tujuan pengudaraan.</p>
<p>RK5</p>	 <p style="text-align: center;">TINGKAP HADAPAN</p>	<p>Pada rumah ini pula mempunyai dua buah tingkap pada bahagian hadapan rumah ibu. Manakala pada sisi kanan dan kiri rumah ibu masing-masing hanya mempunyai satu buah</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="555 640 871 674">TINGKAP SISI KANAN</p>  <p data-bbox="579 1093 847 1126">TINGKAP SISI KIRI</p>  <p data-bbox="579 1585 847 1619">TINGKAP SELANG</p>	<p data-bbox="962 264 1393 1910">tingkap sahaja. Tingkap pada rumah ibu tidak terdapat sebarang pengubahsuaian kerana masih menggunakan tingkap yang asal. Pada ruang selang terdapat dua buah tingkap. Pada sisi kanan dan kiri rumah dapur pula masing-masing terdapat dua buah tingkap. Pengubahsuaian berlaku pada tingkap selang dan rumah dapur iaitu pada asalnya tingkap ini dibina dengan saiz yang lebih kecil namun telah diganti dengan saiz yang lebih besar. Walaupun terdapat pengubahsuaian dari segi saiz pada tingkap, namun kesemua tingkap menggunakan bahan yang asal iaitu dibina menggunakan kepingan papan kayu. Tingkap juga mempunyai dua daun tingkap yang bukaannya menghala ke bahagian luar rumah.</p>





KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
	 <p data-bbox="587 1473 837 1512">TINGKAP DAPUR</p>	


MALAYSIA

 KELANTAN

4.7.9 Ragam Hias (Lebah Bergantung)

Jadual 4.12: Perubahan pada Lebah Bergantung

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
RK1		<p>Pada rumah ini masih terdapat sepasang lebah bergantung pada sebelah kiri dan kanan di bahagian bawah tebar layar. Lebah bergantung pada rumah ini adalah menggunakan yang asal tanpa sebarang pengubahsuaian.</p>
RK2		<p>Pada rumah ini tidak terdapat lagi hiasan lebah bergantung yang menjadi salah satu keunikan pada Rumah Kutai.</p>
RK3		<p>Rumah ini juga masih terdapat lebah bergantung. Lebah bergantung pada rumah ini masih menggunakan yang asal.</p>
RK4		<p>Pada asalnya rumah ini mempunyai lebah bergantung, namun telah ditanggalkan semasa kerja-kerja pemasangan zink pada</p>

KOD	BUTIRAN/GAMBAR	KETERANGAN
		bumbung dan tebar layar dilakukan. Lebah bergantung terpaksa ditanggalkan akibat mengalami pereputan.
RK5		<p>Rumah Kutai mempunyai satu keunikan yang tidak mungkin terdapat pada rumah yang lain iaitu lebah bergantung. Namun pada rumah ini sudah lagi tidak terdapat lebah bergantung. Pada asalnya, rumah ini mempunyai lebah bergantung, namun telah ditanggalkan semasa pengubahsuaian bumbung dan tebar layar. Hiasan lebah bergantung telah ditanggalkan akibat mengalami pereputan.</p>

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN













Pada bahagian ini pengkaji akan menjelaskan secara keseluruhan perubahan yang berlaku ke atas reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak pada jadual dan penerangan seperti di bawah.

Jadual 4.13: Rumusan Perubahan Reka Bentuk Rumah Kutai

Perkara	RK1	RK2	RK3	RK4	RK5
Rumah Ibu	/	/ / /	/ /	/ /	/ /
Selang	/	/	/	/	/
Rumah Dapur	/	/	/ /	/	/
Pelantar	/	/	/	/	/
Tiang	/	/ /	/	/	/ /
Bumbung	/	/	/	/	/
Dinding	RI / S / RD /	RI / RD /	RI / S / RD /	RI /	RI / S / RD /
Tangga	RI / S / P /	RI / S / P /	RI / S / P /	RI / S / P /	RI / S / P /
Loteng	/	/	/	/	/
Pintu	RI / S /	RI /	RI /	RI /	RI / S /
Tingkap	RI / S / RD /	RI / S / RD /	RI / S / RD /	RI / S / RD /	RI / S / RD /

Perkara	RK1	RK2	RK3	RK4	RK5
Lantai	/	/	/	/	/
Lebah Bergantung	/	/	/	/	/

NOTA:-

-  Keadaan asal
-  Pengubahsuaian/ perubahan elemen
-  Pertambahan ruang
-  Pertambahan bahagian bawah (konkrit)
-  Kehilangan ruang/elemen
-  Tiang kayu asal
-  Pertambahan tiang konkrit
-  Pertambahan tiang kayu
-  Rumah Ibu
-  Selang
-  Rumah Dapur
-  Pelantar

(A) Rumah Ibu

Secara keseluruhan, rumah ibu pada kelima-lima buah rumah yang dikaji iaitu RK1, RK2, RK3, RK4 dan RK5 masih dalam keadaan yang asal tanpa sebarang penambahan ruang. Namun, terdapat penambahan dan kehilangan pada bahagian bilik sahaja yang berada pada rumah ibu. Perkara ini terbukti iaitu pada RK2 dan RK5 berlaku penambahan satu lagi bilik yang menyebabkan kedua-

dua rumah ini mempunyai 2 buah bilik. Manakala, pada RK3 dan RK4 telah kehilangan bahagian bilik kerana roboh akibat mengalami pereputan.

(B) Selang

Pada ruang selang pula kebanyakannya masih dalam keadaan yang asal. Perkara ini dibuktikan kerana 3 daripada 5 buah rumah yang dikaji iaitu pada RK1, RK3 dan RK5 didapati masih mempunyai ruang selang. Manakala 2 buah lagi iaitu RK2 dan RK4 telah kehilangan selang akibat pengubahsuaian dan pereputan yang berlaku ke atas rumah ini.

(C) Rumah Dapur

Kebanyakan rumah mempunyai Rumah dapur, perkara ini terbukti kerana 4 daripada 5 buah rumah masih terdapat rumah dapur iaitu RK1, RK2, RK3 dan RK5. Namun, rumah dapur berlaku penambahan ruang iaitu pada RK2 dan RK3 berlaku pertambahan bahagian bawah dengan menggunakan batu-bata. Manakala, pada RK5 pula berlaku pertambahan ruang yang banyak pada rumah dapur. Terdapat sebuah rumah sahaja yang kehilangan rumah dapur iaitu pada RK4 akibat masalah pereputan.

(D) Pelantar

Pada ruang pelantar dapat disimpulkan bahwa kelima-lima buah rumah iaitu RK1, RK2, RK3, RK4 dan RK5 telah kehilangan pelantar. Kehilangan pelantar adalah disebabkan oleh ruang berkenaan telah dirobohkan akibat pengubahsuaian ke atas rumah tersebut.

(E) Tiang

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa tiang pada rumah ibu bagi kelima-lima buah rumah masih menggunakan tiang yang asal. Tiang pada rumah ibu tidak berlaku sebarang pengubahsuaian iaitu terdapat 16 batang tiang. Namun, pada rumah dapur bagi 2 buah rumah mengalami pengubahsuaian dan penambahan tiang. Perkara ini terbukti melalui pengubahsuaian tiang kayu kepada tiang konkrit sebanyak 6 batang tiang pada RK2. Manakala, berlaku penambahan tiang kayu pada RK5 sebanyak 16 batang tiang disebabkan oleh penambahan ruang bagi rumah dapur.

(F) Bumbung

Pada bahagian bumbung pula didapati keseluruhannya telah mengalami perubahan iaitu bumbung telah digantikan dengan zink. Pada asalnya 4 daripada 5 buah rumah iaitu RK1, RK3, RK4 dan RK5 menggunakan atap rumbia untuk dijadikan bumbung. Namun, kesemuanya telah digantikan kepada zink kerana penggunaan zink lebih tahan terhadap cuaca. Namun pada RK2 bumbungnya dalam keadaan yang asal iaitu turut menggunakan zink.

(G) Dinding

Berdasarkan kepada analisis yang diperolehi oleh pengkaji mendapati hanya 2 daripada 5 buah rumah sahaja yang masih mengekalkan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai iaitu rumah pada RK3 dan RK4 kerana menggunakan dinding pelepuh atau dinding kelarai. Namun, keaslian tersebut hanya terdapat pada Rumah Ibu sahaja manakala dinding pada selang dan rumah dapur telah mengalami perubahan iaitu digantikan dengan kepingan papan kayu. Manakala bagi RK1, RK2 dan RK5 didapati keseluruhan dindingnya telah ditukarkan dengan kepingan papan kayu yang disusun dalam pelbagai bentuk antaranya dinding tindih kasih dan dinding susun sirih.

(H) Tangga

Pada bahagian tangga pula akan diterangkan berdasarkan tiga bahagian iaitu tangga pada rumah ibu, selang dan pelantar. Pada bahagian tangga rumah ibu didapati 4 daripada 5 buah rumah telah berlaku perubahan iaitu RK1, RK2, RK3 dan RK5. Perubahan yang berlaku adalah dari segi bentuk iaitu tangga pada asalnya berbentuk bulat telah digantikan dengan kepingan papan. Selain itu, disebabkan oleh penambahan pemegang pada sisi kanan dan kiri tangga. Tangga pada bahagian selang pula dapat disimpulkan bahawa kebanyakannya telah dirobohkan. Perkara ini terbukti iaitu hanya 2 daripada 5 buah rumah sahaja yang masih mempunyai tangga selang iaitu pada RK1 dan RK5. Manakala, tangga pada pelantar pula didapati bagi kelima-lima buah rumah telah tidak wujud. Perubahan ini berlaku adalah kerana kehilangan ruang pada bahagian pelantar.

(I) Loteng

Pada kelima-lima rumah didapati masih mempunyai bahagian loteng. Tetapi 3 daripada 5 buah rumah sahaja yang masih menggunakan bahagian loteng iaitu pada RK1, RK2 dan RK5. Loteng masih digunakan sebagai tempat menyimpan peralatan yang jarang digunakan serta sebagai tempat tidur. Manakala, loteng pada RK3 dan RK4 tidak dapat digunakan kerana bahagian lantainya mengalami pereputan.

(J) Pintu

Pada bahagian pintu bagi rumah ibu dapat dirumuskan bahawa bagi kelima-lima buah rumah telah mengalami perubahan. Manakala pintu pada ruang selang pula hanya terdapat pada 2 buah rumah sahaja iaitu RK1 dan RK5 juga mengalami perubahan. Salah satu perubahan utama adalah perubahan terhadap bahan binaan pintu. Pada asalnya pintu bagi Rumah Kutai menggunakan pintu gelangsar yang diperbuat daripada batang tepas dan mempunyai satu daun pintu

sahaja. Namun, pengkaji mendapati kelima-lima buah rumah telah menggunakan pintu yang diperbuat daripada papan kayu dan mempunyai dua daun pintu. Selain itu, perubahan terhadap saiz pintu. Menurut dapatan yang diperolehi telah mendapati bahawa RK2, RK4 dan RK5 saiz pintunya dibina lebih tinggi dan luas. Manakala, RK1 dan RK3 masih mengekalkan reka bentuk asal iaitu pintu dibina agak rendah dan sempit.

(K) Tingkap

Pada bahagian tingkap pula terdapat tiga bahagian iaitu tingkap pada rumah ibu, selang dan rumah dapur. Pertama adalah tingkap yang terdapat pada rumah ibu kebanyakan tidak berlaku sebarang perubahan. Perkara ini terbukti bahawa 4 daripada 5 buah rumah iaitu RK1, RK2, RK4 dan RK5 masih dalam keadaan yang asal. Manakala bagi RK3 sahaja yang berlaku perubahan dari segi saiz tingkap kerana dibina agak besar. Kedua pada bahagian selang didapati kebanyakannya tidak mempunyai tingkap akibat kehilangan ruang selang yang berlaku pada RK2 dan RK4. Manakala pada RK3 dan RK5 telah berlaku perubahan terhadap saiz tingkap yang dibina agak besar. Ketiga adalah tingkap pada bahagian rumah dapur dapat dirumuskan bahawa 3 daripada 5 buah rumah mengalami perubahan iaitu RK2, RK3 dan RK5. Bagi RK2 telah mengalami pengubahsuaian iaitu tingkap kayu telah digantikan dengan tingkap cermin dan bingkai tingkap menggunakan besi. Pada RK3 dan RK5 masing-masing mempunyai perubahan dari segi saiz tingkap yang pada asalnya kecil telah diubah menjadi lebih besar. Manakala, tingkap pada RK1 masih dalam keadaan yang asal. Terdapat sebuah rumah sahaja iaitu RK4 yang tidak dapat diketahui keadaan tingkap dapurnya kerana telah kehilangan ruang tersebut.

(L) Lantai

Pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa lantai telah mengalami perubahan iaitu penggunaan lantai jeria telah digantikan kepada lantai papan. Perkara ini dibuktikan melalui rumah yang dikaji iaitu RK3, RK4 dan RK5 pada asalnya menggunakan lantai jeria telah digantikan dengan lantai papan. Manakala, RK1 dan RK2 masih dalam keadaan yang asal iaitu turut menggunakan lantai papan. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh penggunaan lantai jeria tidak sesuai digunakan pada masa kini kerana masyarakat yang menginginkan keselesaan. Selain itu, penggunaan lantai papan lebih tahan lama dan tidak mudah reput.

(M) Lebah Bergantung

Bagi ragam hias lebah bergantung ini didapati semakin sukar untuk dilihat pada Rumah Kutai kerana berdasarkan analisis pengkaji mendapati 2 daripada 5 buah rumah sahaja yang masih terdapat lebah bergantung iaitu RK1 dan RK3. Manakala pada 3 buah rumah lagi iaitu RK2, RK4 dan R5 telah kehilangan hiasan ini disebabkan oleh mengalami pereputan.

4.8 Faktor-faktor yang Menyumbang Kepada Perubahan Reka Bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak

Pada bahagian ini, faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak akan diterangkan oleh pengkaji. Proses pengubahsuaian telah banyak berlaku ke atas Rumah Kutai yang masih teguh berdiri dan kukuh sehingga ke hari ini dari segi bahan binaan yang digunakan untuk membina rumah serta reka bentuk yang terdapat pada rumah ini. Pengubahsuaian atau perubahan ini telah menyebabkan kehilangan keaslian yang terdapat pada Rumah Kutai. Disebabkan oleh beberapa faktor telah menyebabkan pengubahsuaian atau perubahan tersebut berlaku

dan tidak dapat untuk dielakkan. Antaranya faktor bahan binaan yang tidak tahan cuaca, faktor pertambahan bilangan ahli keluarga dan sebagainya (A.H.Nasir, 1988). Sesi temubual yang dijalankan oleh pengkaji melibatkan beberapa orang responden yang merupakan penduduk kampung di sekitar Bota Kanan, Perak. Temubual dijalankan adalah untuk memperoleh data dengan lebih tepat.

4.8.1 Bahan Binaan

(A) Bahan Binaan yang Tidak Tahan Cuaca

Rumah Kutai dibina dengan menggunakan bahan binaan yang tidak tahan kepada cuaca. Sebagai contoh, penggunaan atap rumbia pada bumbung Rumah Kutai pada zaman dahulu menyebabkan atap mudah mengalami kebocoran. Akibat daripada keadaan cuaca di negeri Perak yang tidak menentu menyebabkan lama-kelamaan atap rumbia akan mengalami pereputan. Oleh itu, kebanyakan bumbung Rumah Kutai tidak lagi menggunakan atap rumbia sebaliknya telah diubah kepada kepingan zink. Selain itu, penggunaan kayu sebagai bahan pembinaan rumah boleh menyebabkan kayu mudah reput dan dilitupi kulat dan cendawan jika terdedah pada kelembapan yang tinggi. Kayu juga lebih mudah diserang oleh anai-anai dan kumbang perosak yang merupakan serangga pemakan kayu. Faktor ini telah disokong oleh pewaris pada RK2, menurutnya, beliau telah menggantikan struktur kayu dengan penggunaan batu-bata dan simen yang dilakukan pada rumah dapur.

(B) Bahan Semula Jadi Sukar Diperoleh dan Mahal

Bagi membina Rumah Kutai memerlukan bahan-bahan semula jadi seperti batang nibong, buluh dan sebagainya. Pada zaman dahulu, bahan semula jadi ini mempunyai kuantiti yang banyak dan lebih mudah untuk diperolehi. Namun, bahan-bahan tersebut telah sukar untuk diperolehi pada masa kini. Hal ini demikian kerana dari tahun ke tahun harga bahan mentah untuk membina rumah semakin meningkat.

Selain itu, disebabkan kuantiti bahan mentah yang amat terhad menjadikan bahan semula jadi dijual dengan harga yang lebih tinggi.

Sekiranya masyarakat kini ingin menggunakan bahan semula jadi untuk membina atau menggantikan semula bahan binaan rumah yang telah reput mengikut seperti Rumah Kutai yang asal, mereka terpaksa mengeluarkan kos yang agak tinggi. Oleh itu, bagi menjimatkan kos, penggunaan bahan yang moden bagi membina rumah telah menjadi pilihan masyarakat. Tambahan pula, pada masa kini bahan lebih mudah diperolehi untuk menghasilkan rumah dengan seni bina moden berbanding rumah tradisional. Faktor ini disokong oleh pewaris pada RK5, beliau berkata akibat daripada bahan semula jadi amat sukar diperolehi dan harga yang lebih mahal mendorongnya untuk menggantikan keseluruhan dinding rumah dengan menggunakan kepingan papan yang lebih mudah untuk diperolehi.

(C) Kurang Tahap Keselamatan

Bagi melancarkan aliran pengudaran, Rumah Kutai yang dibina mempunyai ruang pada bahagian lantai dan dinding dengan menggunakan bahan semula jadi. Rumah Kutai dibina berdasarkan faktor keselamatan iaitu bagi menyedarkan pergerakan manusia, tangga dan pintu akan menghasilkan bunyi serta terdapat selak pada bahagian pintu. Selain itu, keadaan di luar rumah dapat dilihat dengan mudah oleh orang yang berada di dalam rumah kerana bahagian dinding tersebut sedikit jarang. Walau bagaimanapun, ciri-ciri keselamatan seperti itu tidak sesuai untuk digunakan lagi pada masa kini.

Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai peralatan yang lebih canggih dan moden telah dicipta bersesuaian dengan keperluan pada masa kini. Terdapat sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dengan mudah boleh melakukan sebarang perkara yang tidak diingini seperti pecah rumah. Oleh itu, bagi menjamin keselamatan ahli keluarga, penggunaan bahan yang lebih kukuh telah menjadi pilihan

masyarakat pada masa kini. Faktor ini disokong oleh pewaris pada RK2 iaitu beliau telah menggantikan tingkap pada rumah dapur menggunakan tingkap cermin dan berbingkai besi sebagai langkah keselamatan.

4.8.2 Pemilik Rumah

(A) Pertambahan Bilangan Ahli Keluarga

Pertambahan bilangan ahli keluarga telah menyebabkan pemilik sesebuah rumah menambahkan ruang agar kelihatan lebih luas. Perkara ini menyebabkan berlakunya pertambahan ruang dan bilik. Pada zaman dahulu, Rumah Kutai tidak mempunyai sebarang bilik dan sesetengah rumah hanya terdapat sebuah bilik sahaja pada rumah ibu. Ruang rumah pula agak kecil dan sempit. Disebabkan oleh pertambahan jumlah ahli keluarga, ruang dibesarkan bagi memberikan keselesaan pada penghuni rumah. Selain itu, pertambahan bilangan ahli keluarga menyebabkan barang dan alatan di dalam rumah semakin bertambah. Faktor ini disokong oleh pewaris pada RK5, beliau telah melakukan pertambahan satu lagi bilik pada ruang rumah ibu dan meluaskan rumah dapur disebabkan oleh ahli keluarga yang semakin ramai.

(B) Penghijrahan Pemilik Rumah ke Bandar

Menurut Puan Aminah merupakan salah seorang penduduk kampung yang telah ditemu bual berpendapat bahawa kebanyakan Rumah Kutai dibiarkan begitu sahaja dan tidak dijaga dengan baik. Kebanyakan rumah di sekitar Bota Kanan telah mengalami kerosakan dan kehilangan ruang. Penghijrahan pemilik rumah ke bandar menyebabkan rumah tersebut tidak diselenggara dan dipelihara. Masyarakat di bandar ada kalanya hingga terlupa dengan asal-usul sendiri. Tegasnya, bangunan

warisan seperti Rumah Kutai perlu untuk dikekalkan walau sejauh manapun kita melangkah.

4.8.3 Tukang Rumah

(A) Pembinaan Rumah Kutai yang Sukar dan Rumit

Masyarakat dahulu telah membina Rumah Kutai yang merupakan salah sebuah dari rumah Melayu tradisional. Pembinaan rumah ini kebiasaannya tidak menggunakan sebarang paku dan hanya menggunakan peralatan seperti kapak. Pengkaji mendapati rumah ini tidak menggunakan peralatan yang moden untuk pembinaannya. Tukang-tukang rumah hanya menggunakan barangan yang sedia ada untuk membina rumah kerana pada zaman dahulu tidak mempunyai peralatan yang canggih. Namun, masyarakat dahulu berjaya membina rumah yang sempurna dan kukuh yang dapat dijadikan kediaman. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa melalui ilmu pertukangan rumah yang dilakukan oleh masyarakat pada zaman dahulu adalah sangat bijak. Pembinaan semula Rumah Kutai yang asal adalah amat sukar dan rumit. Proses pembinaan rumah tradisional adalah sangat terperinci dan mengambil masa yang agak lama. Hal ini menyebabkan masyarakat melakukan perubahan pada pembinaan Rumah Kutai. Kebanyakan Rumah Kutai dibina dengan menggunakan batu-bata dan paku. Penggunaan bahan tersebut dikatakan lebih cepat dan mudah.

(B) Kekurangan Tukang Mahir

Pada masa kini tukang mahir bagi memelihara bangunan warisan semakin berkurang. Tukang mahir semakin berkurang dalam pertukangan tradisional seperti menganyam dinding kelarai atau pelupuh, menganyam atap rumbia, mengikat buluh atau batang pinang untuk dijadikan lantai, kerja tanggam dan sebagainya. Pemilik Rumah Kutai sukar untuk memperoleh tukang mahir untuk menggantikan bahan asal yang telah rosak. Oleh hal yang demikian, kebanyakan masyarakat beralih kepada

penggunaan bahan yang lain untuk membina rumah. Tukang rumah yang terdapat pada masa kini lebih mahir dalam kerja-kerja pembinaan yang menggunakan bahan moden seperti batu-bata, zink, kepingan papan dan sebagainya. Penggunaan bahan tersebut lebih murah, mudah diperolehi dan mudah untuk dibina.

Selain itu, generasi muda pada hari ini tidak mempunyai keinginan untuk mempelajari berkaitan ilmu pertukangan tradisional. Mereka tidak peka dengan kemahiran pertukangan rumah secara tradisional kerana menganggap pertukangan tradisional adalah sesuatu yang remeh untuk dipelajari. Generasi muda pada hari ini gagal untuk melihat bagaimana tukang rumah tradisional mampu untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan bencana alam dan memberikan keselamatan serta keselesaan dari segi pengedaran udara yang baik kepada penghuninya. Faktor ini disokong oleh pewaris pada RK4, menurutnya rumah tersebut telah banyak kehilangan ruang iaitu pada bahagian bilik yang terdapat di rumah ibu, selang, dapur dan pelantar. Bagi membaik pulih rumah tersebut kepada bentuk asal dengan menggunakan bahan asal memerlukan tukang rumah yang mahir dalam pertukangan seni bina tradisional. Pada masa kini, tukang mahir sangat sukar untuk diperolehi menyebabkan rumah tersebut dibiarkan begitu sahaja.

4.9 Penutup

Natijahnya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kebanyakan Rumah Kutai yang dikaji telah mengalami perubahan ke atas ciri-ciri reka bentuknya. Namun, bagi mengekalkan khazanah warisan ini kepada ciri-ciri reka bentuk asal sememangnya amat memerlukan tenaga kerja dan cabaran yang tinggi bagi memelihara warisan negara ini supaya tidak luput ditelan zaman. Oleh itu, mahasiswa/i yang berada di dalam bidang warisan perlu mengkaji secara empirikal berkaitan perkara ini kerana ia merupakan langkah yang terbaik bagi memelihara Rumah Kutai. Melalui kajian lapangan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa Rumah Kutai hanya dikenali oleh penduduk di Negeri Perak sahaja. Oleh hal yang demikian, Rumah Kutai perlu diperkenalkan dengan lebih meluas kerana ia merupakan salah satu daripada khazanah warisan negara yang perlu untuk dijaga dan dipelihara dengan baik. Melalui penyelidikan yang dijalankan ini pengkaji berharap agar ilmu khazanah berkaitan dengan nilai warisan akan berkembang supaya dapat menjadi tatapan buat generasi muda.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pengkaji akan membuat rumusan secara keseluruhan pada bahagian ini berkaitan dengan hasil dapatan daripada ketiga-tiga analisis kajian bagi memberikan gambaran secara menyeluruh dan ringkas berkaitan kajian yang dikaji. Dalam hal ini, keberkesanan bagi mendapatkan dapatan maklumat semasa menyiapkan projek penyelidikan diukur melalui perbincangan yang dilakukan. Bagi membantu penyelidik yang seterusnya untuk membuat perancangan secara lebih teratur dan tersusun dalam menjalankan kajian berkaitan keaslian reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Oleh itu, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan atau saranan yang bersesuaian pada bahagian ini.

Melalui projek penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji ini sedikit sebanyak dapat memberi data dan maklumat kepada penyelidik seterusnya untuk mencapai setiap perkara yang telah ditetapkan dalam kajian. Semua pihak perlu berganding bahu serta berusaha secara berterusan bagi memartabatkan Rumah Kutai sebagai salah satu produk warisan di peringkat antarabangsa. Hal ini demikian kerana Rumah Kutai ini mempunyai potensi untuk dikenali dengan lebih jauh di peringkat antarabangsa.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Pada bahagian ini pengkaji akan membuat kesimpulan dan rumusan bagi setiap maklumat berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang berkaitan tajuk kajian iaitu kajian ke atas keaslian reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Dapatan kajian ini diperolehi oleh pengkaji semasa sesi temubual bersama responden dijalankan. Berdasarkan kepada analisis data bagi ketiga-tiga objektif kajian yang telah diulas dengan mendalam oleh pengkaji pada penulisan sebelum ini iaitu pada bab 4 membolehkan pengkaji untuk membuat perbincangan mengenai dapatan kajian.

5.2.1 Analisis Kajian Objektif 1: Menghuraikan ciri-ciri reka bentuk asal Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa Rumah Kutai di Bota Kanan mempunyai ciri-ciri reka bentuknya yang asal. Malah, sebahagian daripada ciri-ciri reka bentuk yang terdapat pada Rumah Kutai tidak dapat dilihat pada rumah tradisional Melayu yang lain. Berdasarkan pemerhatian terhadap kelima-lima Rumah Kutai iaitu pada RK1, RK2, RK3, RK4 dan RK5 pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dari segi ruang terdapat 4 komponen utama bangunan iaitu rumah ibu, selang, rumah dapur dan pelantar. Kebiasaannya pada rumah ibu terdapat sebuah bilik yang menjadi tempat tidur anak dara yang berada di dalam rumah.

Selain itu, Rumah Kutai menggunakan tiga bentuk tiang iaitu tiang bersegi lapan, tiang persegi empat dan tiang bulat. Pada masa kini kebanyakan rumah yang terdapat di Bota Kanan hanya menggunakan satu jenis tiang sahaja iaitu tiang bersegi empat. Pada bahagian bumbung pula Rumah Kutai menggunakan jenis bumbung panjang. Atap nipah dan rumbia kebiasaannya digunakan untuk membuat bumbung pada zaman dahulu. Sudut bumbung adalah antara 50 hingga 60 darjah yang terhasil

daripada bentuk bumbungnya. Bumbung Rumah Kutai lebih melentik dan curam yang bertujuan untuk peredaran udara serta memudahkan curahan air hujan.

Seterusnya, dinding kulit kayu dan dinding tepas kebiasaannya digunakan dalam pembinaan dinding Rumah Kutai pada masa dahulu. Bahan seperti buluh atau bambu digunakan untuk membuat dinding tepas atau pelepuh. Dinding ini tidak mudah dikopak, sangat kuat dan sukar untuk dirosakkan oleh musuh dan pencuri yang berniat jahat. Dinding tepas digunakan kerana kawasan tersebut mempunyai bahan semula jadi seperti buluh. Tangga pula adalah jenis tangga larian terus. Tangga rumah ini dibina agak tinggi dengan kecuraman 75 hingga 90 darjah yang berfungsi bagi menyukarkan musuh untuk memanjat dan mengelakkan musuh yang ingin menceroboh ke dalam rumah masuk secara tergesa-gesa. Rumah Kutai mempunyai tiga buah tangga yang terdapat pada rumah ibu, selang dan pelantar. Tangga pada asalnya berbentuk bulat dan tidak mempunyai pemegang pada bahagian sisi kanan dan kiri tangga.

Selanjutnya, Rumah Kutai juga mempunyai loteng yang berfungsi sebagai tempat perlindungan bagi kaum wanita dan kanak-kanak daripada serangan musuh. Loteng kebiasaannya akan dibina tinggi bertujuan bagi menyukarkan musuh untuk memanjat ke tempat tersebut serta tidak mempunyai sebarang tangga. Loteng juga mempunyai fungsi yang lain iaitu sebagai bilik sementara yang akan didiami oleh anak dara sewaktu rumah itu dikunjungi tetamu atau tempat beribadat ketua keluarga. Selain itu, loteng juga akan dijadikan sebagai tempat meletak barang-barang yang tidak selalu digunakan seperti tikar, periuk, dulang tembaga dan sebagainya.

Pada bahagian pintu pula terdapat tiga buah pintu pada Rumah Kutai iaitu pintu hadapan, pintu selang dan pintu belakang. Pintu rumah ini pada asalnya menggunakan pintu gelangsar yang hanya disorong ke tepi untuk dibuka dan ditutup serta mempunyai satu daun pintu sahaja. Pintu ini menggunakan rel dan perparitan serta penggunaan selak pada bahagian dalam. Pintu kebiasaannya dibina dalam keadaan yang rendah amat berbeza dengan rumah Melayu tradisional yang lain bertujuan supaya para tetamu yang ingin masuk ke dalam rumah akan menundukkan sedikit kepala untuk menghormati tuan rumah serta menyukarkan musuh untuk masuk.

Pada asalnya, lantai jeria digunakan hampir disemua Rumah Kutai pada masa dahulu. Penggunaan bahan untuk membuat lantai jeria adalah daripada susunan bilah-bilah buluh atau batang pinang. Lantai dibina tinggi kerana pada zaman dahulu, banjir sering berlaku apabila tiba musim tengkujuh. Selain itu, lantai yang tinggi adalah bagi mengelakkan daripada terhidu bau busuk yang terdapat di bawah ruang dapur rumah berpunca daripada air perlimbahan serta untuk mengintai musuh yang berada di luar rumah. Ciri-ciri reka bentuk ini pula tidak terdapat pada rumah tradisional Melayu yang lain iaitu elemen lebah bergantung. Lebah bergantung berbentuk bulat, saiznya sebesar labu air dan kelihatan sangat mirip dengan sarang lebah. Elemen ini amat sukar untuk dilihat kerana penggunaan lebah bergantung ini berkait dengan taraf hidup masyarakat pada ketika itu. Bagi rumah yang mempunyai lebah bergantung dikatakan lebih kaya seperti golongan bangsawan.

5.2.2 Analisis Kajian Objektif 2: Mengenal pasti perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.

Pada bahagian ini pengkaji akan membuat kesimpulan berdasarkan kepada beberapa elemen sahaja yang didapati mengalami perubahan dari segi reka bentuk yang ketara. Walaupun berlaku banyak perubahan ke atas Rumah Kutai, terdapat juga ruang yang masih dalam keadaan asal seperti rumah ibu dan selang. Rumah ibu masih menjadi ruang utama yang kebiasaannya terdapat satu buah bilik sahaja. Namun, pada RK2 dan RK5 berlaku sedikit pertambahan iaitu pertambahan satu lagi bilik yang menyebabkan rumah ini mempunyai 2 buah bilik. Manakala, ruang selang juga masih dalam keadaan yang asal dibuktikan pada RK1, RK3 dan RK5. Ruang selang bagi ketiga-tiga buah rumah ini didapati mempunyai bumbung dan dinding yang hanya berfungsi sebagai lorong untuk menuju ke rumah dapur. Selang tidak lagi berfungsi sebagai tempat menadah air hujan atau tempat menjemur kain. Seterusnya, perubahan yang sangat ketara dapat dilihat pada ruang pelantar. Pengkaji mendapati kesemua rumah iaitu RK1, RK2, RK3, RK4 dan RK5 telah kehilangan pelantar. Faktor utama kehilangan ruang ini disebabkan oleh pengubahsuaian yang dilakukan ke atas rumah tersebut.

Pada bumbung pula didapati mengalami pengubahsuaian elemen iaitu penggantian atap rumbia kepada zink yang berlaku pada RK1, RK3, RK4 dan RK5. Penggantian ini dibuat kerana zink lebih mudah untuk diperolehi berbanding atap rumbia yang memerlukan tukang mahir untuk menganyam semula atap. Penggunaan zink juga dapat mengurangkan kehadiran serangga berbisa seperti lipan, kala jengking dan sebagainya yang gemar berada pada atap rumbia kerana keadaan atap yang sejuk. Pada bahagian dinding pula telah diubah kepada dinding papan atau dinding simen. Penggantian dinding kayu kepada dinding simen seperti yang dilakukan oleh rumah pada RK2 bertujuan bagi mengelakkan berlakunya kebakaran.


Selanjutnya, pada bahagian tangga didapati keseluruhannya berlaku pengubahsuaian elemen. Pengubahsuaian yang berlaku adalah dari segi bentuk iaitu tangga pada asalnya berbentuk bulat telah digantikan dengan kepingan papan serta penambahan pemegang pada sisi kanan dan kiri tangga. Tangga selang dan pelantar kebanyakannya telah tiada disebabkan oleh pengubahsuaian yang berlaku ke atas ruang tersebut. Tangga pada rumah ibu sahaja yang masih kekal pada kesemua rumah kerana tangga tersebut dijadikan sebagai tangga utama.

Pada bahagian pintu bagi kelima-lima buah rumah telah mengalami perubahan. Perubahan yang berlaku adalah disebabkan oleh bahan binaan dan saiz pintu. Perubahan pintu gelangsar kepada pintu papan yang menggunakan engsel adalah lebih selamat terutamanya dari perompak yang cuba untuk memasuki rumah. Selain itu, perubahan terhadap saiz pintu yang berlaku pada RK2, RK4 dan RK5 kerana saiz pintunya dibina lebih tinggi dan luas. Saiz pintu berubah bagi memudahkan pemilik rumah untuk keluar dan masuk ke dalam rumah serta memberikan keselesaan kerana dibina lebih luas.

Berikutnya, lantai didapati telah mengalami perubahan iaitu penggunaan lantai jeria telah digantikan kepada lantai papan. Perkara ini dibuktikan melalui rumah yang dikaji iaitu RK3, RK4 dan RK5 pada asalnya menggunakan lantai jeria telah digantikan dengan lantai papan. Manakala, RK1 dan RK2 masih dalam keadaan yang asal iaitu turut menggunakan lantai papan. Perubahan ini berlaku kerana penggunaan lantai papan lebih tahan lama, tidak mudah reput dan lebih tebal. Akhir sekali, elemen lebah bergantung didapati semakin sukar untuk dilihat pada Rumah Kutai. Perkara ini terbukti bahawa 3 daripada 5 buah rumah yang dikaji iaitu RK2, RK4 dan RK5 telah kehilangan hiasan ini. Lebah bergantung semakin mengalami kepupusan disebabkan oleh tiada tukang kayu yang mahir untuk menghasilkan dan mengukir ukiran yang terdapat pada lebah bergantung.

5.2.3 Analisis Kajian Objektif 3: Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak.

Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat kesimpulan berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai di Bota Kanan, Perak. Terdapat tiga faktor utama yang telah dikenal pasti iaitu berpunca daripada bahan binaan, pemilik rumah dan tukang rumah. Rumusan secara keseluruhan akan ditunjukkan pada rajah dan penerangan di bawah.



Rajah 5.1: Faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai

Berdasarkan kepada tiga faktor utama, pengkaji ingin merumuskan bahawa faktor yang paling menyumbang kepada perubahan reka bentuk Rumah Kutai ialah bahan binaan. Kebanyakan responden yang ditemu bual menyatakan bahawa bahan binaan menjadi punca mereka melakukan pengubahsuaian dan perubahan kepada Rumah Kutai. Faktor bahan binaan yang tidak tahan cuaca telah disokong oleh pewaris pada RK2, menurutnya, beliau telah menggantikan struktur kayu dengan penggunaan batu-bata dan simen yang dilakukan pada rumah dapur.


Selain itu, faktor bahan binaan yang menyebabkan bahan semula jadi sukar untuk diperolehi dan mahal juga disokong oleh pewaris pada RK5, beliau berkata akibat daripada bahan semula jadi amat sukar diperolehi dan harga yang lebih mahal mendorongnya untuk menggantikan keseluruhan dinding rumah dengan menggunakan kepingan papan yang lebih mudah untuk diperolehi. Tegasnya, akibat daripada peredaran zaman menyebabkan harga bahan mentah untuk membina rumah seperti buluh semakin meningkat. Kuantiti bahan mentah yang amat terhad juga menjadikan bahan semula jadi dijual dengan harga yang lebih tinggi.

Seterusnya, penggunaan bahan binaan yang asal menyebabkan kurang tahap keselamatan. Pada zaman dahulu, pintu bagi Rumah Kutai menggunakan pintu gelangsar yang diperbuat daripada anyaman buluh serta terdapat selak yang dipasang pada bahagian dalam bagi menyukarkan pintu untuk dibuka. Walau bagaimanapun, faktor keselamatan seperti itu tidak lagi relevan untuk digunakan pada masa kini. Pelbagai peralatan yang lebih selamat seperti penggunaan engsel yang diperbuat daripada besi boleh menggantikan selak kayu. Faktor ini disokong oleh pewaris pada RK3, beliau telah menggantikan pintu gelangsar kepada pintu papan yang menggunakan engsel. Manakala, pewaris pada RK2 pula telah menggantikan tingkap pada rumah dapur menggunakan tingkap cermin dengan bingkai besi sebagai langkah keselamatan. Selain itu, beliau juga turut menggantikan dinding papan pada rumah

dapur kepada dinding simen yang bertujuan bagi mengelakkan berlaku risiko kebakaran.

5.3 Cadangan Kajian

Bagi memastikan identiti bangsa Melayu supaya sentiasa dikenali, sebuah rumah tradisional Melayu yang dianggap sangat bernilai iaitu Rumah Kutai haruslah dikekalkan. Melalui kewujudan Rumah Kutai ini, pelancong dan generasi pada masa akan datang sama ada di dalam atau luar negara dapat merasai pengalaman untuk tinggal di dalam Rumah Kutai serta mempelajari mengenai cara hidup masyarakat pada zaman dahulu. Oleh itu, bagi memastikan Rumah Kutai berkekalan dan tidak lenyap ditelan zaman, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan yang sesuai untuk mempertahankan warisan Rumah Kutai ini seperti pada rajah dan penerangan dibawah.



Rajah 5.2: Cadangan Kajian

5.3.1 Melakukan Pemeliharaan dan Pemuliharaan terhadap Rumah Kutai

Salah satu cadangan yang sesuai bagi menjaga Rumah Kutai adalah dengan cara memelihara dan memulihara rumah tersebut. Rumah Kutai akan mengalami kerosakan jika tidak dijaga dengan baik, malah ada juga individu yang tidak bertanggung jawab sengaja untuk merosakkannya. Oleh itu, melalui cadangan ini banyak membantu dalam menjaga Rumah Kutai daripada terus mengalami kerosakan akibat ditinggalkan seterusnya mengakibatkan serangan serangga perosak. Perkara ini dinyatakan kerana melalui kerja lapangan yang dilakukan di Rumah Kutai pengkaji mendapati begitu banyak serangan daripada serangga perosak seperti anai-anai, semut dan sebagainya. Selain itu, Rumah Kutai kebanyakannya telah ditinggalkan disebabkan oleh kematian pemilik asal rumah dan tidak diurus dengan baik oleh warisnya.

Oleh hal yang demikian, Rumah Kutai yang masih terdapat di Bota Kanan haruslah dipelihara dan dipulihara dengan baik. Pengkaji telah menjalankan kajian ke atas 5 buah Rumah Kutai yang masih berdiri dengan kukuh di kawasan Bota Kanan, Perak. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati 3 buah Rumah Kutai sahaja yang dipelihara dengan baik manakala 2 buah rumah lagi iaitu RK3 dan RK4 tidak dipelihara dan dibiarkan rosak. Oleh itu, peranan pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Warisan Negara (JWN) amat diperlukan bagi memastikan kesemua Rumah Kutai yang masih wujud di sekitar Bota Kanan dapat dipelihara dan dipulihara dengan baik. Bagi memastikan kawasan Rumah Kutai sentiasa terjaga, waris Rumah Kutai perlulah memainkan peranan supaya dapat mengekalkan Rumah Kutai dalam tempoh masa yang panjang.

5.3.2 Menjadikan Rumah Kutai sebagai Kawasan Pelancongan

Sektor pelancongan adalah sangat luas antaranya pelancongan yang berkaitan bangunan bersejarah, pelancongan kesihatan, ekopelancongan dan lain-lain lagi. Salah satu sektor di negara ini yang dapat menguntungkan negara adalah melalui sektor pelancongan. Rumah Kutai didapati telah lama bertapak di Negeri Perak, tetapi malangnya penduduk di Negeri Perak sendiri tidak mengenalinya. Rumah Kutai mempunyai kelainan dari segi reka bentuknya berbanding dengan rumah tradisional Melayu yang lain. Oleh itu, pihak yang terlibat sewajarnya perlu menaiktaraf serta menaikkan kembali nama Rumah Kutai supaya dapat menjadi tempat pelancongan di Malaysia. Peranan yang penting perlu dimainkan oleh masyarakat setempat untuk memperkenalkan lagi Rumah Kutai ke serata dunia supaya pelancong dari luar dapat mengetahui akan kewujudannya.

Melalui cara ini pelancong luar dapat mengetahui cara hidup masyarakat Melayu serta mengenali budaya masyarakat pada zaman dahulu yang terdapat di negara kita. Melalui sektor pelancongan ini juga dapat meningkatkan pendapatan negara kerana berlaku pengaliran mata wang asing ke dalam negara akibat pelancong dari luar negara yang datang ke Malaysia. Hal ini bukan sahaja dapat menambahkan pendapatan negara, malah dapat meningkatkan identiti negara di peringkat antarabangsa. Pelancong juga akan mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman untuk diceritakan kepada ahli keluarga apabila pulang ke negara mereka seperti maklumat berkaitan sejarah Rumah Kutai serta keunikan dari segi ciri-ciri reka bentuk yang terdapat pada rumah tersebut. Rumah Kutai perlu diiklankan oleh pihak media massa dengan menggunakan saluran yang sedia ada supaya orang ramai dapat mengunjungi kawasan yang mempunyai Rumah Kutai.

5.3.3 Memberi Insentif kepada Pemilik Rumah Kutai

Kerajaan negeri Perak perlu memberikan insentif kepada pemilik rumah tradisional yang telah berdaftar dengan kerajaan sebagai salah satu usaha untuk memelihara warisan budaya ini seperti yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Melaka. Kebanyakan pemilik rumah mungkin tidak berkemampuan untuk membeli bahan-bahan yang diperlukan untuk menyelenggara rumah tradisional kerana kos penyelenggaraan adalah sangat tinggi. Cadangan yang dilontarkan oleh pengkaji ini turut ditegaskan oleh Profesor Dr. Muhammad Pauzi (2019), beliau berkata sewajarnya kerajaan negeri Perak perlu menperuntukkan sekurang-kurangnya RM100,000 bagi membaik pulih rumah warisan yang telah mengalami kerosakan seperti yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Melaka. Rumah Kutai merupakan rumah tradisional Melayu yang masih kukuh dengan identiti Melayu di negara ini. Oleh itu, rumah ini perlu dijaga supaya generasi pada masa akan datang dapat mengenali warisan ini. Kebanyakan bangunan lama yang terdapat di Malaysia dibina oleh penjajah yang menakluk Tanah Melayu pada masa itu. Oleh yang demikian, identiti masyarakat Melayu hanya dapat diwakili melalui kewujudan Rumah Kutai yang dibina oleh masyarakat pada zaman dahulu.

5.3.4 Meningkatkan Kesedaran dalam Kalangan Masyarakat

Pengkaji mendapati masih tiada kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan rumah ini kepada negara dari aspek seni bina mahupun sejarah menyebabkan masyarakat tidak mengetahui kewujudan Rumah Kutai. Rumah Kutai tidak hanya dianggap sebagai sebuah rumah yang lama kerana rumah ini sangat berharga sebagai salah satu daripada warisan negara. Rumah ini mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri walaupun telah berusia puluhan tahun serta dibina menggunakan bahan-bahan daripada alam semulajadi. Rumah Kutai akan dapat dipertahankan melalui peranan dan tanggungjawab yang

dijalankan oleh masyarakat setempat. Sebuah warisan yang sangat bernilai ini akan hilang begitu sahaja sekiranya masyarakat tidak mengambil peduli untuk memelihara warisan negara ini. Sekiranya bangunan warisan seperti Rumah Kutai ini tidak dipelihara dengan baik, perkara ini secara tidak langsung akan merugikan negara kerana rumah ini boleh menarik pelancong untuk sama ada dari dalam dan luar negara.

Generasi muda pada hari ini dilihat lebih terdedah kepada gajet sehingga tidak mengetahui berkaitan rumah yang penuh dengan keistimewaan dan keunikan ini. Oleh itu, sebagai langkah yang berkesan untuk menyampaikan maklumat dengan lebih cepat adalah melalui penggunaan laman sesawang atau media sosial yang sesuai. Peranan pelbagai pihak terutamanya pihak media massa amat diperlukan untuk memperbanyak lagi kempen berkaitan Rumah Kutai yang dapat menarik minat golongan muda kerana merekalah yang akan meneruskan usaha bagi menjaga bangunan warisan ini. Bagi mengelakkan Rumah Kutai ini daripada dibiarkan dengan begitu sahaja, maka cadangan ini amatlah sesuai.

5.3.5 Kajian Secara Meluas Dari Pengkaji Lain

Pengkaji hanya menjalankan kajian yang tertumpu kepada satu jenis Rumah Kutai sahaja iaitu Rumah Kutai Asli. Kajian ini dijalankan pada skop yang sangat kecil kerana hanya berfokuskan pada satu lokasi iaitu di Bota Kanan, Perak. Selain itu, sepanjang pengkaji mendapatkan bahan-bahan ilmiah berkaitan tajuk kajian dari pelbagai sumber seperti buku, laman sesawang dan sebagainya. Pengkaji mendapati tiada lagi kajian yang dilakukan secara mendalam berkaitan Rumah Kutai yang terdapat di seluruh Negeri Perak. Oleh itu, pengkaji lain perlu untuk meluaskan lagi skop kajian berkaitan dengan ketiga-tiga jenis Rumah Kutai iaitu Rumah Kutai Asli, Rumah Kutai Anjung dan Rumah Kutai Anjung Beranda yang terdapat di seluruh Negeri Perak. Hal ini bertujuan supaya maklumat

berkaitan Rumah Kutai dapat diketahui dengan lebih mendalam.

5.4 Penutup

Rumah Kutai merupakan salah satu warisan yang sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana kehidupan masyarakat zaman dahulu dapat diketahui melalui kewujudan Rumah Kutai ini. Selain itu, bukti bagi sesuatu peristiwa yang pernah terjadi pada suatu ketika dahulu dapat dikenalpasti melalui kewujudan Rumah Kutai. Walaupun hakikatnya pada suatu ketika dahulu Rumah Kutai pernah diangkat sebagai salah satu identiti bagi Negeri Perak serta mencapai era kegemilangan melalui keunikan seni binanya, namun disebabkan oleh peredaran zaman berkemungkinan lama-kelamaan Rumah Kutai tidak menjadi pilihan bagi kediaman oleh generasi pada masa akan datang. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini boleh dijadikan sebagai ilmu pengetahuan baru kepada masyarakat serta mendatangkan banyak manfaat. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat berkaitan Rumah Kutai sukar untuk didapati oleh masyarakat disebabkan oleh pendedahan secara terperinci mengenai rumah ini adalah sangat kurang. Pengkaji juga berharap kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan yang ilmiah buat masyarakat pada masa akan datang.

Rujukan

- Abu Seman, S., Md Yusoff, Y., & Shafii, S. (17 October, 2015). *Rumah Tradisional Negeri Perak*. Retrieved from <https://rumahtradisional.yolasite.com>
- Al-Ahmadi, A. (2006). *Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- An Article From Vicinity Perak - Rumah Kutai, The Kutai House Of Perak In Kuala Kangsar. (September, 2006). 2(9), 11-12.
- Anuar Talib., (2006). The Perak Kutai Asli Malay House: Form, Function and Meaning Unpublished PhD Thesis, UiTM, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Arif , Z. (27 May, 2019). *Very few Rumah Kutai left*. Retrieved from <https://www.nst.com.my>
- Ariffin, M., & Talib, A. (2004). Perak Malay (Kutai) Architecture: a Methodological Approach in Extensive Survey and Analysis, 1–12.
- Choo, I., Ramele, R., Rashid, S., & Baharuddin, M. (2018). Decorative Elements of Traditional Malay Houses: Case Study of Rumah Limas Bumbung Perak (RLBP). *International Research Journal of Social Sciences*(Special Issue. 6), 105-115. Retrieved from <https://doi.org/10.32861/jssr.spi6.105.115>
- Choo, I., Rashid, M., & Jamaluddin, N. (2020). THE TYPOLOGY OF RUMAH LIMAS BUMBUNG PERAK (RLBP). *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 18(2), 24-36.
- Choo, I., Rashid, M., Alauddin, K., & Jamaludin, N. (2019). Decorative Elements of Traditional Malay House: Comparative Study of Rumah Limas Bumbung Perak (RLBP) and Rumah Limas Johor (RLJ). *IOP Conf. Series: Earth and Environmental Science*.
- Choo, I., Rashid, M., Alauddin, K., & Jamaludin, N. (2021). THE MALAY PRINCIPAL FORM: A STUDY OF ROOF DECORATIVE ELEMENTS OF RUMAH LIMAS BUMBUNG PERAK. *Malaysian Journal of Sustainable Environment Special Edition*, 8(1), 57-70. Retrieved from <https://doi.org/10.24191/myse.v8i1.12659>
- Choo, I., Rashid, M., Alaudin, K., & Jamaludin, N. (2022). THE SIGNIFICANCE OF ROOF DECORATIVE ARCHITECTURAL COMPONENTS OF RUMAH LIMAS BUMBUNG PERAK (RLBP) TOWARDS HERITAGE INTERPRETATION OF PERAK TENGAH. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 20(3), 99-111.
- Choo, I., Rashid, S., & Baharuddin, M. (June, 2019). Architectural Design Evolution of the Malay Traditional Houses Along Sungai Perak. *Borneo Journal of Social Science and Humanities*, 1(1), 1-10. Retrieved from <https://doi.org/10.35370/bjssh.2019.1.1-08>
- Cresswell, J. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. California: SAGE Publications, Inc.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research (Planning, Conduction and Evaluating Quantitative and Qualitative Research)* (4th Ed). Boston: Pearson.

- Ferrance, E. (2000). *Themes in education: Action research*. Providence, RI: Northeast and Islands Regional Educational Laboratory. Retrieved from www.lab.brown.edu
- Fielden, B.M. *Conservation of Historic Buildings*, Architectural Press Oxford; 2000.
- Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh (1996), *The Traditional Malay House*, Penerbit Fajar Bakti: Kuala Lumpur.
- Hanafi, Z. (1996). *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kulim, Kedah Darulaman, Malaysia: Amber-Solara Publication.
- Ian Bradshaw (1986), *The Thinking Photographer*. Publisher Macdonald, 1986. ISBN 0356121534, 9780356121536
- Kamal, K., Wahab, L., & Majid, M. (03 March, 2007). IRDC Research Documentation Project of Kutai House (Rumah Kutai), Bota, Perak, Malaysia. 157-166. Retrieved from http://buildingconservation.blogspot.com/2007/03/documentation-project-of-kutai-house_21.html
- Kamarul F. Hashim, FB Tan, A Rashid (2015), *Adult learners' intention to adopt mobile learning: A motivational perspective*, *British Journal of Educational Technology* 46 (2), 381-390, 2015.
- Kassim, S. J., & Kadir, T. A. (October, 2007). MALAY vs ENG TERMINOLOGIES IN CONSTRUCTION AND COMPOSITION. *Characterization and Proportional Analysis of Malay Aristocratic Facade*.
- Khairudin, K., Salleh, N., & Aripin, S. (03-04 March, 2018). An Overview of the Construction Techniques of Traditional Malay Houses: Rumah Kutai, Perak. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 3(7), 255-264. Retrieved from <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v3i7.1131>
- Khairudin, K., Salleh, N., & Aripin, S. (Jan/Apr, 2019). A Review of the Construction Techniques of Rumah Kutai, Perak. *Asian Journal of Environment-Behaviour Studies*, 4(12), 1-15.
- Koentjaraningrat (1991), *Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia Merriam, S.B. (1998) *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey Bass Publishers, San Francisco.
- Maarop, M. (10 February, 2021). *Pameran Rumah kutai Januari 2021 - Februari 2021*. Retrieved from <https://fliphtml5.com>
- Misnat, N., Isa, H., Karim, N., & Othman, M. (2021). SPACE ORGANIZATION IN PERAK MALAY TRADITIONAL HOUSE ANALYSIS OF SPACE ORGANIZATION on PERAK MALAY TRADITIONAL HOUSE. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 103-124. Retrieved from <https://doi.org/10.24191/myse.v8i1.12663>
- Mohamad, S. (28 June, 2014). *Rumah Tradisional Negeri Perak*. Retrieved from <https://sites.google.com>
- Mohd Sabri zaa Abd Rashid & Sufian Che Amat (2013), *The Traditional Malay Architecture: Between Aesthetics and Symbolism in Mark Taylor* (ed.), Interior Design and Architecture: Critical and Primary Sources, Vol 1 Bloomsbury Publishing: London. M.A Fawzi Basri (1986)

- Mohd Sabrizaa Abd Rashid (2018), *Rumah Kutai: Documentation of Memories*, Institut Darul Ridzuan: Ipoh.
- Nasir, A. H., & Aziz, M. Z. H. A. (1985). *Pengenalan rumah tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul fikir, Kuala Lumpur.
- Nasir, A. H., & Teh, H. H. W. (1996). *The Traditional Malay House*. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Nor Hayati (2011), Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Pesisir Pantai: Kajian Kes Di Kuala Terengganu. *Jurnal Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies Volume 29*
- Paul Box (1999), *GIS and Cultural Resource Management: A manual for heritage managers*
- Rashid, M. S. A. (2017). *Rumah KUTAI: Documentation of Memories* (M. Kamis, Ed.). Institut Darul Ridzuan.
- Rashid, M., Fadzil, F.-S., & Mat, N. (23 Mac, 2010). Memartabatkan Sungai Perak Sebagai Koridor Warisan Negeri Perak. Retrieved from <https://www.academia.edu>
- Rashid, S., Alauddin, K., Baharuddin, M. N., & Choo, I. (2019). Architectural Design Evolution of the Malay Traditional Houses Along Sungai Perak. *Borneo Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 1–10. Retrieved from <https://doi.org/10.35370/bjssh.2019.1.1-08>
- Rashid, S., Baharuddin, M., & Alauddin, K. (31 03, 2021). ARCHITECTURAL CHARACTERISTICS OF MALAY TRADITIONAL HOUSES THROUGH DECORATIVE ELEMENTS: A COMPARISON BETWEEN PERAK LIMAS' HOUSE (PLH) AND JOHOR LIMAS' HOUSE (JLH). *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 8(1), 87. Retrieved from <https://www.researchgate.net>
- Rashid, S., Choo, I. A. H., Ramele, R. B., Baharuddin, M. N., & Alauddin, K. (2018). Decorative elements of traditional Malay houses: Case study of Rumah Limas Bumbung Perak (RLBP). *Journal of Social Sciences Research*, (Special Issue 6), 105–115. Retrieved from <https://doi.org/10.32861/jssr.spi6.105.115>
- Sabil, A., & Utaberta, N. (2011). Documentation and analysis of sustainable design and application of Tanggam System in Malay traditional house. *Advanced Materials Research*, 291-294, 984-987. Retrieved from <https://doi.org/10.4028/www.scientific.net/AMR.291-294.984>
- Samsudin, A., Abidin, N., Abdullah, A., & Ali, M. (2020). THE ATTRIBUTES OF 'PAPAN MELEH' - ROOF EAVES DECORATION IN BAITUL RAHMAH (KUALA KANGSAR, PERAK, MALAYSIA) WITH THE HISTORIC BUILDING INFORMATION MODELLING (HBIM) APPLICATION. *Planning Malaysia: Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 18(2), 181-192. Retrieved from <https://doi.org/10.21837/pm.v18i12.753>
- Society, S. H. (17 July, 2022). 'URBAN RENEWAL THROUGH BUILT HERITAGE CONSERVATION'. Retrieved from <https://sarawakheritagesociety.com>
- Syed Ismail Syed Mustapa (2010) *Budaya dan pembelajaran, Siri pengajian profesional*. Publisher: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., ISBN :9675451041, 9789675451041

- Talib, A. (2004). Establishing the Architectural Definition / Inventory of the Traditional Perak Malay Kutai Houses (of the 1820 ' S – 1900 ' S) and Its Potentials for the Purpose of Restoration, Conservation and Tourism. 1-22.
- Van Es (2006), *A Critical Companion to Spenser Studies* (edited, 2006, Palgrave Macmillan: ISBN 9781403920270)
- Yuan, L. (2002). Under One Roof. *The Traditional Malay House*, 2-25. Retrieved from <http://www.sabrizain.org>
- Yusof, M., Afifi, H., & Said, S. (30 June, 2020). DETERMINING INDOOR THERMAL COMFORT CONDITION OF KUTAI HOUSE THROUGH BIOCLIMATIC ANALYSIS. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 7(1), 151-170. Retrieved from <https://doi.org/10.24191/myse.v7i1.8916>
- Zaini, M. (2017). *Mengenal Rumah Melayu Riau*. Jakarta: Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Retrieved from <https://docplayer.info>
- Zakaria, A., Ahmad , S., & Rashid, M. (2008). Perak Malay Hard Landscape Elements: An overview. *Asian Journal of Quality of Life*, 3(10), 97-107. Retrieved from <https://ajqol.e-iph.co.uk>



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN